siri biografi untuk pelajar

# Biografi
# OTHMAN PUTEH

siri biografi untuk pelajar

# Biografi
# OTHMAN PUTEH

Ali Majod

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

Cetakan Pertama 2001
© Ali Majod 2001

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ali Majod
Biografi Othman Puteh / Ali Majod.
(Siri biografi untuk pelajar)
ISBN 983-62-7133-3
1. Othman Puteh, 1944- 2. Authors, Malay–Biography.
1. Judul. II. Siri.
928.9923

M
928.9923
OTH . A

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

M 1019
Hadiah

31 DEC 2001
Perpustakaan Negara
Malaysia

# Kandungan


Prakata ........ vii

Carta Keluarga ........ ix

**Bab 1** - Menerima Anugerah ........ 1

**Bab 2** - Cabaran di Sekolah Menengah ........ 15

**Bab 3** - Menuntut dalam Bidang Iktisas ........ 29

**Bab 4** - Dunia Perguruan ........ 41

**Bab 5** - Memantau Kesarjanaan ........ 49

**Bab 6** - Bermulanya Sastera Remaja ........ 63

**Bab 7** - Konvensi dan Inovasi dalam Penulisan ........ 73

**Bab 8** - Sarjana yang Berjasa ........ 84

**Bab 9** - Di Tengah Keluarga ........ 103

**Bab 10** - Apa Kata Orang Lain ........ 117

Karya ........ 133



# Prakata

Satu daripada aspek pemberatan dalam pemetaan, pengajaran dan pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah biodata pengarang yang karyanya dijadikan bahan teks wajib untuk diteliti dan dihayati oleh pelajar. Meneliti dan menjejaki susur-galur kehidupan seseorang tokoh pengarang, bermakna kita berusaha menjejaki perjuangannya, sumbangannya, pemikirannya, cita-citanya, sejarah yang diciptanya dan pengalamannya. Daripada pengalaman pengarang itu, dapat pula diteladani – mana-mana yang baik dapat dijadikan iktibar dan pedoman untuk meneruskan kelangsungan hidup ini.

Menyedari akan hakikat tersebut serta peri pentingnya para pelajar mengetahui latar belakang perjuangan, cita-cita, harapan dan wawasan seseorang tokoh, maka buku *Biografi Othman Puteh* ini telah diusahakan penerbitannya. Othman Puteh merupakan seorang tokoh pengarang Kesusasteraan Melayu yang tidak asing lagi di tanah air. *Biografi Othman Puteh* ini menjadi bahan penting kepada pembaca untuk setiap karyanya termasuk novel *Terminal Tiga*.

Ketokohan Othman Puteh sebagai tokoh pengarang kesusasteraan amat menonjol dalam penulisan kreatif terutamanya novel, cerpen dan beberapa buah drama. Selain itu, beliau turut

memimpin bengkel dan memberi ceramah tentang penulisan kreatif dan nonkreatif kepada penulis-penulis muda. Sebagai seorang sarjana, Othman Puteh telah menghasilkan penyelidikan ilmiah, membentangkan kertas-kertas kerja dalam seminar, forum dan ceramah berhubung dengan kesusasteraan Melayu.

Di samping melibatkan diri dalam dunia kesusasteraan tanah air, Othman Puteh juga aktif memenuhi undangan ceramah, seminar dan bengkel. Beliau menjadi pakar rujuk dalam bidang kesusasteraan umum, remaja dan kanak-kanak. Beliau pernah menjadi ketua panel atau panel penilai dalam beberapa peraduan menulis karya kreatif.

Secara umumnya, buku ini cuba memaparkan riwayat hidup Othman Puteh – bagaimana kehidupannya pada zaman kanak-kanak; zaman persekolahannya; sumbangan keilmuannya sebagai seorang sarjana; sumbangan karya dalam penulisan ilmiah dan kreatif, serta aktiviti-aktiviti beliau dalam kegiatan kesusasteraan. Buku ini turut memaparkan liku-liku perjalanan awal hidupnya sebagai seorang penulis sehinggalah sampai ke tahap kedudukannya sekarang.

Pendekatan penulisan buku ini berbentuk popular dan menyeluruh, sesuai untuk semua golongan pembaca. Tujuan utama penerbitan biografi ini ialah untuk memaparkan perjuangan hidup seorang tokoh kesusasteraan tanah air dalam mencapai wawasan hidupnya. Semoga biografi kecil ini dapat memberi manfaat kepada pembaca – sekurang-kurangnya menjadi sumber inspirasi atau contoh ikutan yang berguna serta memberi semangat dan motivasi kepada pembaca khususnya para remaja.

**Ali Majod**

# Carta Keluarga Othman Puteh



BAB 1

# Menerima Anugerah

## Malam anugerah

Di bilik Royal Ballroom Hotel Oriental, Bangkok, pada malam itu terang-benderang. Tetamu kehormat, orang-orang kenamaan, para duta, penulis, dan jemputan lain duduk dengan tenang di meja masing-masing. Di kepala meja, duduk dengan tertib Duli Yang Maha Mulia Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand, bersama-sama dengan 21 orang tetamu kehormat.

Duduk nombor lima di sebelah kiri Putera Mahkota itu ialah Othman Puteh. Dia kelihatan ceria dan tenang. Kelihatan kacak dengan pakaian kebangsaan berwarna hitam. Inilah malam yang sangat bersejarah dalam kehidupan Othman, dan ini tidak mungkin dapat dilupakannya.

Malam itu, 25 September 1998. Di sini, sedang berlangsung satu upacara rasmi penyampaian Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award) ke-20. Tepat pada pukul 21:00, waktu Bangkok, Encik Kurt Wachtveitl, selaku juruacara menjemput Othman Puteh sebagai penerima anugerah dari Malaysia tampil ke muka untuk menerima anugerahnya. Tepuk tangan para hadirin bergema mengiringi Othman Puteh di kepala meja itu.

***... "Berada dalam era terkini dengan fenomena liberalisasi dan deregulasi, dengan kegawatan ekonomi yang melanda mandala kita ini, saya yakin sastera masih tetap bertahan, relevan dan signifikan sebagai usaha pengucapan yang kritis dan estetis dalam bidang kemanusiaan ... "***

Demikian antara ucapan Othman Puteh pada malam penganugerahan itu.



Othman Puteh menerima SEA Write Award daripada Putera Mahkota Thailand.

Di samping Othman Puteh penerima anugerah dari Malaysia, lapan penerima lain ialah N. Riantiarno (Indonesia), Abdul Ghani Hamid (Singapura), Badaruddin H.O. (Brunei), Raekhan Pradouykham (Thailand), Dr. Thangkham Onemanisone (Laos), Sinbyu-Kyun Aung Thein (Myanmar), Marne L. Kilates (Filipina) dan Ma Van Khang (Vietnam).

Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award) bermula tahun 1979 dengan tujuan menjana kerjasama dan persahabatan serantau Asia Tenggara. Anugerah ini merupakan anugerah sastera tertinggi rantau ini dan dapat dianggap sebagai Hadiah Nobel versi Asia Tenggara.

Hotel Oriental dan Syarikat Penerbangan Thai penaja utama anugerah ini dengan kerjasama Kelab PEN, Persatuan Penulis Thailand dan beberapa pihak penaja yang lain. Pemenang bagi

Sewaktu ditanya, bagaimanakah perasaannya menerima anugerah ini, Othman Puteh berkata:

***Ia merupakan penghormatan dan pengiktirafan terhadap penglibatan saya selama hampir 40 tahun dalam bidang kesusasteraan dan penulisan kreatif. Saya bersyukur dan rasa amat terharu.***

setiap negara ditentukan oleh organisasi sastera tertentu di negara masing-masing. Pada tahun ini juga "Anugerah" ini menyambut ulang tahunnya yang ke-20. Program minggu Anugerah Penulis Asia Tenggara ini berlangsung selama seminggu dari 20-26 September 1998 dan kemuncaknya ialah penyampaian anugerah pada 25 September itu.

Anugerah ini melambangkan pengiktirafan negara terhadap Othman Puteh kerana sumbangannya memajukan sastera tanah air. Selama 37 tahun Othman menjana sastera. Othman sebagai penulis, pengkritik, sarjana, penggerak dan aktivitis sastera. Sebagai penulis, Othman menulis cerpen dan novel untuk kanak-kanak, remaja dan umum. Sebagai pengkritik, Othman merupakan pengkritik yang berwibawa dan disegani. Sebagai sarjana, Othman berteori



Othman Puteh (nombor 3 dari kiri) bersama-sama penerima SEA Write Award ke-20, bergambar kenang-kenangan dengan Duli Yang Maha Mulia Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand.



Othman Puteh didampingi oleh isteri dan anak sulungnya Hizairi sewaktu menerima SEA Write Award di Bangkok.



Plag anugerah (SEA Write Award) yang diterima oleh Othman Puteh.

tentang seputar sastera, membentang kertas kerja dalam seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai aktivis sastera Othman giat memimpin bengkel penulisan, menjadi panel anugerah, penilai sastera kreatif dan perunding sastera. Semua sumbangan Othman ini cukup berharga dan sewajarnya dihargai.

## Tahun-tahun awal

Othman Puteh dilahirkan pada 5 Januari 1944. Ibunya, Dara Jidin dan ayahnya Puteh Muhammad, tinggal di Kampung Kuala, Kuala Sungai Baru, kira-kira 50 kilometer dari bandar Melaka.

Pada masa itu negara dalam tangan penjajahan Jepun dan kemudiannya British, maka itu tidak ada pembangunan untuk petani. Sewaktu padi tidak menjadi misalnya, orang kampung



Puteh Muhammad



Dara Jidin

*Othman lahir dalam sebuah keluarga nelayan, penoreh getah, dan petani yang memiliki sawah. Kampung Kuala ialah kampung tradisional yang ekonomi penduduknya bersifat ekonomi sara hidup.*

terpaksa makan lempeng ubi, tidak terkecuali keluarga Othman.

Tidak banyak yang dapat diingati Othman pada zaman kanak-kanak sebelum memasuki sekolah. Biasanya, kanak-kanak memang suka bermain. Begitu juga Othman suka bermain dengan teman-temannya dengan menggunakan alat yang terdapat di sekeliling seperti bermain kereta lereng, guli, getah, gasing, layang-layang, galah panjang dan sebagainya. Atau bermain sembunyi-sembunyi, mandi di sungai, dan sebagainya.

Sesuatu yang diingati Othman ialah ayahnya sakit terlantar tidak dapat bekerja. Sudah lama ayah sakit, hampir tiga tahun. Tidak diketahui apakah penyakit ayah, dan tidak pula dibawa ke hospital kerana belum ada lagi amalan seperti itu.

Othman makin membesar dan mula memasuki dunia baru alam persekolahan. Pada tahun 1950, Othman masuk darjah satu di Sekolah Melayu, Kuala Sungai Baru. Inilah sekolah yang terdekat dengan rumahnya. Ketika itu, di sekolah tidak ada buku untuk menulis. Murid hanya menggunakan papan batu dan duduk pula di atas lantai.

Petua menggunakan papan batu ialah mesti selalu dicuci dengan air embun. Caranya amat



Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru, Melaka.

*"Lompat kelas" merupakan sesuatu yang istimewa pada masa itu. Hanya murid yang cerdik dan bijak sahaja akan bernasib baik "lompat kelas". Othman melompat kelas dari darjah satu ke darjah tiga.*

mudah. Pada waktu pagi, Othman akan melayangkan papan batu itu di permukaan rumput di tanah perkuburan berhampiran sekolah. Othman gembira melihat papan batu melayang menyentuh rumput. Suatu ketika, papan batu Othman pecah kerana terkena batu nisan.

Othman pelajar yang cerdas. Pelajaran bacaan, kira-kira, dan sebagainya mudah dikuasai oleh Othman. Apabila semua latihannya betul, cikgu akan mengguris tanda "right" panjang dengan kapur dari penjuru ke penjuru papan batunya. Inilah yang diperagakan oleh Othman di rumah. Kerana kecemerlangan ini Othman dipilih untuk "melompat kelas".

Lompat kelas ada juga risikonya, dan inilah yang dialami Othman. Pelajaran darjah tiganya merosot lantaran dia terlalu muda untuk mengikuti pelajaran di peringkat tersebut.

Semasa darjah enam Othman dilantik menjadi ketua darjah dan pengawas kutubkhanah (perpustakaan) kecil sekolahnya. Othman terus

belajar sampai darjah tujuh. Pada akhir tahun 1956, Othman memasuki peperiksaan untuk memasuki sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh dan Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) di Tanjung Malim. Akan tetapi kelulusannya memungkinkan Othman memasuki St. Francis Institution, Bandar Hilir, Melaka, pada tahun 1957. Pada masa itu kelas yang diduduki Othman dikenali sebagai *remove class*.

## Anak Bongsu

Othman Puteh anak bongsu daripada tujuh adik-beradik (dua orang meninggal sewaktu kecil). Othman tidak nakal tetapi bersifat manja. Kakaknya Minah, selalu menyebut yang Othman anak manja. Abu ialah nama timang-timangan



'Anak bongsu' (berdiri di tengah) bersama abang dan kakak.
Duduk (kiri) Maimunah dan Aminah.
Berdiri (kiri) Muhammad Ali dan Abu Bakar.



Abang-abang dan kakak-kakak Othman Puteh bersama-sama ibunya (Dara Jidin) duduk paling kanan.

yang diberikan oleh ibu, dan ini melambangkan kasih sayang seorang ibu kepada anaknya.

Memang benar kasih sayang boleh menjadi penawar untuk menyembuhkan penyakit. Kasih sayang antara Othman dan ibunya membuktikan hal ini. Ini berlaku beberapa tahun kemudian. Suatu ketika ibunya yang demam tiba-tiba sembuh apabila Othman pulang. Begitu juga kasih sayang Othman dengan ayahnya. Sayangnya, kasih sayang mereka tidak berpanjangan apabila ayah pergi buat selama-lamanya. Suatu peristiwa, papan batu Othman pecah. Othman tidak sampai hati untuk meminta ganti papan batu yang baru daripada ayahnya. Bukan sahaja kerana kesempitan hidup, lebih-lebih lagi ketika itu ayahnya sakit. Akhirnya, abang iparnya Yang Chik yang memberitahu ayahnya.

*Sekali lagi kasih sayang dan tanggungjawab bersama menjadi jalan penyelesaiannya. Kakaknya Minah, rela menjualkan gelang emasnya. Betapa terharu Othman menerima pengorbanan kakaknya dan melihat kakaknya tidak bergelang lagi. Semangat semakin timbul untuk Othman lebih tekun berusaha mencapai kejayaan.*

Apa kata ayah Othman? "Abu," katanya, "jangan pecahkan papan batu lagi, kita ni orang

miskin tak mampu hendak membelinya." Kata-kata ayahnya ini sebagai simbol yang tersemat di hatinya dan menjadi peransang untuk Othman mencari kemajuan hidup.

Ayah Othman meninggal pada 10 Mei 1950 iaitu semasa Othman dalam darjah satu. Inilah saat sedih yang dialami Othman, lebih-lebih lagi ibunya yang ditinggalkan oleh suami tercinta. Setahun kemudian apabila Ibrahim Busra adik saudara kepada ayah Othman menziarahi mereka pada hari raya, ibu menangis teresak-esak kesedihan. Bagi Othman pula, itulah buat kali pertama sambutan hari raya tanpa ayah di sisi.

Yang Chiklah yang menanggung sepenuhnya perbelanjaan keluarga Othman setelah ketiadaan ayahnya. Bagaimanapun seluruh keluarga bersatu untuk membantu Othman apabila timbul sesuatu keadaan yang sulit. Semuanya ini kerana ikatan kasih sayang keluarga yang dinyatakan tadi.

Pernah keluarga Othman berunding sesama sendiri bagaimana hendak mendapatkan wang yuran peperiksaan Othman. Teman-teman sekampung Othman telah menduduki sekolah menengah di Ipoh. Rupa-rupanya untuk mencapai tujuan itu mesti menduduki suatu peperiksaan yang bayarannya sebanyak RM3.00. Othman sudah mengagak bahawa yuran itulah yang akan menjadi penghalang. Memang betul, seluruh keluarganya terkejut dengan yuran itu.

Selepas itu masalah lain timbul pula, teman-teman lain seperti Rahmah Othman, Hawa Bachik, Rosnah Jantan memasuki kelas tuisyen untuk menghadapi peperiksaan itu. Tidak mungkin Othman meminta bantuan keluarga lagi untuk bayaran tuisyen itu. Terfikir pula oleh Othman mengapa pula hal itu dijadikan alasan?

Akhirnya, Othman tumpang sekaki belajar dengan mendengar dari tangga beranda di rumah Cikgu Baba Jais, guru yang mengajar tuisyen itu.



Yang Chik, abang ipar Othman Puteh.



Tidak sia-sia kegigihannya ini, dia berjaya dalam peperiksaan itu dan memasuki sekolah menengah.

## Minat awal terhadap kesusasteraan

Minat terhadap sastera menjadi asas yang kukuh dalam jiwa Othman. Setelah dapat membaca dengan lancar, Othman digalakkan oleh ibunya membaca buku dan majalah. Lebih-lebih lagi di sekolah, gurunya Cikgu Rokambul Hassan memberikan kepercayaan kepada Othman bagi mengawasi perpustakaan kecil sekolahnya. Dia berkesempatan untuk membaca, walaupun bahannya terhad tetapi bermutu tinggi seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, cerita-cerita Shakespeare dan lain-lain. Selain itu Othman suka membaca komik. Daripada wang saku yang dikumpulkan, dia membeli komik yang baru terbit. Othman meminati komik karya R. Hamzah, Nora Abdullah Kelantan, Yusof Awang, K. Bali, Rosdin Tangkak dan Saidin Yahya.

Sekali-sekala Othman berpeluang menonton bangsawan, apabila kumpulan bangsawan membuat persembahan di pekan Kuala Sungai Baru. Apatah lagi jika rombongan bangsawan itu mempersembahkan cerita "Gul Bakawali", "Jula-Juli Bintang Tujuh", "Siti Zubaidah", "Topeng Hitam", "Selendang Delima", "Keris Laksamana Bentan" dan "Lembing Awang Pulang ke Dayang", yang mempunyai jalan cerita yang sangat menarik. Walaupun Othman menonton dari tempat duduk "tangga kambing" (kelas belakang yang termurah harga tiketnya), tetapi baginya cerita dan lakonan pentas itu menarik dan menghiburkan.

Zaman kanak-kanak penuh dengan daya imaginasi, maka itu naluri ini berkembang ke arah

positif jika dipupuk dengan pembacaan, pendengaran dan paparan yang baik. Kita lihat bahan bacaan Othman pada tahap ini kebanyakannya meransang dan memenuhi kehendak naluri tersebut. Ini merupakan aset yang memungkinkan daya imaginasi Othman berkembang secara sihat.

Satu lagi naluri penting yang perlu diperkaya pada zaman kanak-kanak ialah naluri ingin tahu. Melalui pembacaan, penglihatan dan pergaulan dapat menjawab persoalan yang ingin diketahui oleh kanak-kanak. Nampaknya Othman di sebalik segala kesulitan hidup zaman kanak-kanaknya masih beruntung berpeluang memenuhi kedua-dua naluri yang penting ini.

Maka itu, kita lihat apabila Othman menjejakkan kaki ke sekolah menengah, dengan sendirinya terarah kepada kegiatan sastera itu. Psikologi Othman selama ini telah dipupuk ke arah itu dengan baik dan kini bercambah. Kita lihat misalnya dalam kesempatan yang terluang Othman dan teman-temannya pergi ke Malacca Library, di bangunan Stadhuys untuk membaca.

Minat membaca mendorong Othman mendaftarkan diri menjadi ahli perpustakaan. Dengan demikian Othman terdedah kepada hasil penulisan sastera dari Indonesia antara lainnya seperti novel *Tenggelamnya Kapal van der Wijck* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah* karya Hamka, novel *Salah Asuhan* karya Abdul Muis, dan *Layar Terkembang* serta *Dian yang Tak Kunjung Padam* oleh Sutan Takdir Alisjahbana.

Kesan bacaan terawal ini sungguh positif dan menjadi benih di jiwa Othman. Semua pengalaman pembacaan dan pengalaman realistik dalam masyarakat menjadi koleksi aset yang terkumpul dalam otak bawah sedar Othman. Apabila Othman memilih kerjaya yang serasi dengan mindanya ini, maka benih yang sedia ada



***Dalam usia yang relatif muda dan masih bersekolah di desa, pada era menjelang merdeka, terasa diri bertuah dalam kemiskinan kerana dapat mengenali tokoh sasterawan dari Sumatera seperti Hamka, Sutan Takdir Alisyahbana, Marah Rusli, Nur Sutan Iskandar dan Abdul Muis.***

Othman Puteh

itu tumbuh, bercambah dan menjadi subur. Kita akan lihat betapa kekuatan dalaman Othman sebagai sarjana dan dalam berkarya serta menjadi aktivis dalam bidang kesusasteraan.

## Rakaman dekad

Pengalaman menarik yang dilalui Othman di peringkat sekolah rendah ini dirakamkannya dalam novel *Sejak Kami Ditinggalkan*. Novel ini berbentuk novel autobiografi, setebal 90 halaman dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 1982. Novel ini sudah dicetak ulang beberapa kali.

Othman Puteh mewakilkan pengalaman peribadinya melalui watak aku bernama Abu, iaitu nama timangannya dalam keluarga. Novel ini menggambarkan betapa gigihnya keluarga Othman menjalani hidup dalam serba kekurangan semenjak ayahnya meninggal dunia. Ada pengalaman yang lucu, yang sedih dan yang mendebarkan, terakam dalam penceritaan yang menarik.

Mari kita hayati petikan novel ini:

*Pagi berikutnya, cuaca cerah. Aku bangun agak lewat. Jali dan Bakar sudah pun pergi ke sekolah. Selesai mandi, aku turun ke halaman mendapatkan Abang Zin yang tekun menyirat langgainya yang koyak.*




*"Mengapa abang tak memotong getah?" tanyaku.*

*"Tak boleh menoreh sekarang ni. Ada pengganas."*

*"Pengganas?"*

*"Ya, ada pengganas dalam kawasan ladang getah tempat abang bekerja. Bahaya!" jelas Abang Zin.*

*Baru aku teringat, semalam, Jenal anak Tuk Penghulu bercerita tentang sebuah bas dibakar*

*di Paya Mengkuang. Mujurlah penumpangnya tidak diapa-apakan.*

*"Bapa aku ada dalam bas tu," cerita Jenal dengan bersungguh-sungguh. "Semua orang dalam bas disuruh berjalan kaki. Tangan diangkat ke atas. Siapa yang menoleh ke belakang ditembak."*

*"Ada yang menoleh?" tingkahku pula.*

*"Ada, dua orang kena tembak. Mati. Kata bapa aku, orang tu terlalu takut. Mereka cuba nak lari."*

*"Jadi, betullah cerita Jenal semalam. Katanya, ada bas dibakar pengganas," ucapku agak perlahan pula.*

*"Ya, daerah kita ni dah diisytiharkan kawasan hitam. Kawasan bahaya. Ada pengganas komunis."*

*"Negeri kita nak perangkah, bang?"*

*"Pengganas tu nak timbulkan huru-hara. Nak susahkan kita semua. Itu sebab abang tak boleh menoreh lagi!"*

*Memanglah tindakan pengganas itu mengancam keselamatan. Malah, akibat daripada gerakan itu, seluruh pekan Kuala dipagar dengan kawat berduri. Rumah Pasung yang terletak di seberang sungai juga dipagar dengan kawat berduri. Pot-pot susu digantung di kawat tersebut. Apabila ada percubaan untuk menyusup masuk, kawat-kawat itu bergegar lalu pot-pot susu berhantukan sama sendiri.*

*Kehidupan mula terasa susah. Makanan mula dicatu. Keluarga kami cuma dapat beberapa kati beras seminggu untuk dimakan seramai enam orang. Ternyata beras catuan itu tidak mencukupi. Ini dirasakan benar kerana padi tidak menjadi. Aku yang kurang mengerti dengan keadaan itu bersungut di depan kakak dan emak.* (*Sejak Kami Ditinggalkan*, hlm. 33-36)

***Selain daripada novel 'rakaman dekad' Othman Puteh juga menulis novel sejarah, pengembaraan, misteri, kekeluargaan, sains fiksyen dan sebagainya.***

Begitulah gambaran sebahagian daripada keadaan darurat pada tahun 1946-1960 yang dialami Othman. Maka itu buku ini merupakan "rakaman peristiwa-peristiwa penting yang berlaku" dalam kehidupan Othman. Buku ini juga merakamkan budaya masyarakat kampung iaitu tingkah laku, sikap, pandangan hidup dan alat perkakas mereka pada tahun-tahun 50-an. Zaman itu telah berlalu tetapi kita dapat mengetahuinya dengan merujuk semula kepada buku ini. Inilah yang dikatakan "rakaman dekad".




Sebahagian daripada karya Othman Puteh.



BAB
2

# Cabaran di Sekolah Menengah

## Tahun kemerdekaan

Tahun 1957 merupakan tahun terpenting bagi negara kita. Pada 31 Ogos tahun inilah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada penjajah British. Patut diingat, sebelum ini Tunku Abd. Rahman Putra telah memasyhurkan tarikh kemerdekaan negara di Padang Bandar Hilir, Melaka. Walaupun darurat masih mencengkam, tetapi tidak menghalang penduduk negeri ini mengadakan perayaan sambutan kemerdekaan tersebut.

Pada awal tahun kemerdekaan inilah Othman Puteh menjejakkan kaki ke sekolah menengah. Dia turut merdeka dalam erti kata tertentu, mengepak keluar dari alam kanak-kanak di kampung. Inilah hijrah kecil bagi Othman yang akan menjadi asas konsep hijrah yang mendominasi kehidupannya dalam tahun-tahun mendatang.

Selepas ini Othman tidak menoleh lagi ke belakang, terus maju dari sekolah menengah ke maktab, ke universiti dan mencapai ijazah tertinggi dalam bidang akademik iaitu Doktor Falsafah (Ph.D). Dalam bidang profesionalisme pula beliau mencapai taraf Profesor Madya.




Kedudukan kampung Othman Puteh (Kuala Sungai Baru) dengan bandar Melaka.

## Kemiskinan bukan penghalang

Othman Puteh satu-satunya anak Kampung Kuala yang lulus dalam peperiksaan ke sekolah menengah. Kejayaan ini menjadi suatu kebanggaan bagi dirinya dan juga keluarganya. Ukuran kebanggaan ini cukup tinggi apabila dibandingkan dengan kejayaan murid dari Kampung Hilir dan Kampung Permatang seramai tiga orang.

Kebanggaan itu lebih bererti apabila keluarganya bersedia menanggung biaya persekolahannya. Othman tahu bahawa bebanan hidup keluarganya akan bertambah. Dia bersyukur atas pengorbanan keluarganya demi mencapai cita-citanya. Dia bernasib baik jika dibandingkan dengan kawan-kawannya yang lain seperti Jusuh dan Abd. Rahman misalnya yang terpaksa berhenti sekolah. Tanpa tanggungjawab dua orang abangnya Muhammad Ali dan Abu Bakar, dan abang iparnya Yang Chik serta kakaknya Minah mungkin dia tidak dapat meneruskan persekolahan.

Emak dan Kakak Minah melipatgandakan kerja menganyam tikar mengkuang untuk dijual. Yang Chik pula sering mengambil daun nipah bersama-sama Abu Bakar untuk dibuat atap dan dijual. Othman sendiri turut mengutip dan menjual botol kosong dan besi buruk kepada peniaga Cina. Pada waktu-waktu yang lain pula Othman bersama-sama Yang Chik menjala udang tatkala tiba musim hujan.

Saat yang genting ialah bermulanya cuti penggal tiga. Othman menerima senarai buku teks, buku tulis dan alat tulis yang mesti disediakan sebelum sekolah dibuka pada tahun baru. Othman mengikut Yang Chik dan Abu Bakar pergi menoreh getah. Othman turut mengopek getah sekerap dan mengutip getah beku di dalam mangkuk.

***Othman tidak menoleh lagi ke belakang, terus maju dari sekolah menengah ke maktab, ke universiti, dan mencapai ijazah tertinggi dalam bidang akademik iaitu Doktor Falsafah (Ph.D). Dalam kerjayanya pula Othman Puteh mencapai taraf Profesor Madya.***



Muara sungai Kuala Sungai Baru, Melaka.

Syukurlah, laut dan sungai memberikan rezeki kepada keluarga Othman. Empat atau lima kali setahun akan ada musim menangkap udang geragau, untuk dibuat belacan dan cencaluk. Maka itu, keluarga Othman tidaklah perlu membeli belacan atau cencaluk dalam setahun itu, malahan dapat dijual pula. Apabila tiba musim hujan lebat, banyak pula ikan sungai dan ikan sawah hanyut ke laut. Ini merupakan rezeki berkala, kalau bernasib baik dapat menangkap banyak ikan untuk dijual.

## Cabaran di sekolah

St. Francis Institution terletak di Jalan Chan Koon Cheng, Bandar Hilir Melaka. Bangunan bertingkat yang agak tua ini kelihatan tegap dan kukuh. Kedua-dua bumbung bangunan itu menghala ke arah laut. Di puncak hadapan kedua-dua bumbung itu, di tebar layarnya, terdapat dua tanda palang daripada simen.



St. Francis Institution, Bandar Hilir, Melaka.

Pelajarnya terdiri daripada pelbagai bangsa, yang banyak sekali pelajar Cina, kemudian India. Anak-anak Melayu hanya beberapa orang sahaja. Guru-gurunya pula terdiri daripada bangsa Cina, India dan beberapa orang Serani berkulit cerah. Di kalangan guru itu pula terdapat beberapa orang rahib yang berjubah putih dengan rantai salib di leher masing-masing.

Sesuatu yang tidak dapat dilupakan Othman ialah ketika teman-temannya yang bukan Islam bersembahyang untuk Jesus. Dia terpaksa ikut berdiri, sekadar menghormati guru di hadapan. Ketika itu mata pelajaran agama Islam belum lagi dijadikan mata pelajaran di sekolah ini. Othman Puteh dan beberapa orang teman pergi berjumpa pengetua untuk meminta pelajaran agama Islam diajarkan di sekolah. Rayuan mereka ini akhirnya berjaya pada tahun berikutnya.

Pelajar dalam *remove class* yang bersama-sama Othman seramai 38 orang dan diuruskan oleh Cikgu C.V. Nathan yang wajahnya mirip

***Suatu ketika Othman melihat abangnya Muhammad Ali menyerahkan wang sebanyak RM30.00 kepada emaknya untuk kegunaannya. Masih terngiang-ngiang di telinga Othman akan kata-kata kakaknya, "Ha, Abu, ingat tu! Kamu nampak kan? Emak tak ambil satu sen pun duit itu. Semuanya untuk kamu belajar nanti. Jangan ingat nak main-main saja." Selama enam tahun Othman Puteh di sekolah menengah Muhammad Ali yang membiayai persekolahannya.***



Othman Puteh dalam usia 17 tahun.

pelakon filem Tamil Sivaji Ganesan. Kelas Othman Puteh ini sesi petang. Untuk memudahkan berulang-alik dari rumah ke bandar Melaka, Othman menyewa kereta Ah Seng dengan bayaran RM30.00 sebulan.

Setelah tiga bulan timbul pula masalah baru, masalah pengangkutan ke sekolah. Ah Seng tidak mahu lagi menyewakan keretanya kerana bayarannya murah. Terpaksalah Othman memikirkan alternatif lain untuk ke sekolah. Menurut Yang Chik, pilihan yang ada ialah menyewa rumah di bandar Melaka.

## Kehidupan menyewa

Rahim bin Lihin, kawan Othman Puteh ada kakak saudara di Pangkalan Rama. Di rumah dialah Othman Puteh menyewa bilik sebesar 8 x 9 meter persegi. Rumah papan beratap zink, panas membahang pada waktu siang.

Permulaan tinggal di tempat baru banyak menimbulkan masalah. Berjauhan dengan



Othman Puteh (berdiri kiri) bersama-sama pelajar Melayu tingkatan 5 (1962), St. Francis Institution, Bandar Hilir, Melaka.

keluarga mengakibatkan kepiluan menyelubungi diri Othman Puteh. Menyesuaikan diri dengan persekitaran baru juga mengambil masa. Menggunakan bilik mandi misalnya terpaksa bergilir-gilir. Begitu juga menggunakan tandas, jenis tandas angkut. Kadang-kadang najis bertimbun dalam tong najis kerana belum diangkut. Semuanya ini dilalui Othman dengan sabar dan tabah.

Jauhnya bilik sewa Othman dengan sekolah lebih kurang lima kilometer. Dia terpaksa berjalan kaki sejauh itu, kadang-kadang bersama-sama Rahim Lihin dan Said Aman dalam panas terik. Kalau bernasib baik dapat menumpang beca Abd. Rahman suami kakak saudara Rahim, itu pun kalau kebetulan tidak ada penumpang.

Kehidupan menyewa ini ternyata meletihkan Othman, keadaan bilik yang sempit, di situlah tempat makan, tidur dan berehat sungguh tidak selesa. Banyak kerja rumah yang dibekalkan guru tidak dapat diselesaikan. Hari-hari yang dilalui terasa amat perit, sukar dan amat mencabar.

Akhirnya, Othman memutuskan tidak lagi menyewa bilik kerana terlalu banyak kesulitannya. Pada bulan Jun 1957 dia kembali berulang-alik ke sekolah dengan bas dari kampung. Walaupun sekolah bermula waktu petang tetapi Othman telah bertolak dari rumah pada pukul 8:30 pagi. Mula-mula ke pekan Kuala Sungai Baru dan kemudian menaiki bas ke bandar Melaka sebelum berjalan kaki ke sekolah.

Sebelum pergi ke sekolah Othman dan kawan-kawannya yang satu bas dengannya iaitu Khamis Endin, Hashim Abu, Abdul Rauf Sidek dan Mahsuri membuat kerja sekolah yang tidak difahami secara berbincang di Surau Bandar Kaba. Pukul 12:30 barulah Othman Puteh tiba di sekolah.


Surau Bandar Kaba, Jalan Bandar Kaba, Melaka.

## Rencah kehidupan di kampung

Pada hari tidak bersekolah, Othman menjaga kerbau di Keramat Leban atau di Kampung Ladang bersama-sama dengan teman-teman. Pada waktu petang kerbau itu dibawa balik untuk dikandangkan. Semasa padi hampir masak, Othman bersama-sama Abd. Rahman dan Jusoh menangkap burung ruak-ruak, ayam-ayam dan pucung dengan menggunakan jaring.

Alat yang digunakan ialah tin-tin dan tempurung untuk dibuat "kocok". Jaring direntangkan di sepanjang batas petak sawah. Apabila kocok itu digoncang, bunyinya kuat menyebabkan burung-burung tersebut bertempiaran lari. Ada yang melanggar jaring yang dipasang itu. Dapatlah ditangkap burung-burung tersebut. Ketika asyik menangkap burung inilah pernah mereka dihambat oleh tuan punya sawah.

Setiap petang pulang dari sekolah Othman bergegas ke masjid untuk mengaji al-Quran.



Masjid Kampung Kuala, Kuala Sungai Baru, Melaka. Di sinilah Othman Puteh mengaji al-Quran berguru kan Lebai Hamid.

Lebai Hamid, siak masjid yang mengajar mengaji itu menetapkan setiap murid mesti bersembahyang Maghrib. Seperti biasa sebelum azan, beduk dipukul terlebih dahulu.

Rupa-rupanya memukul beduk ada seninya yang tersendiri, bukanlah dipalu sebarangan sahaja. Ini disedari Othman pada suatu hari dia memukul beduk pada waktu maghrib itu. Diambilnya pemukul beduk itu lalu disembunyikan ke dalam kain kerana bimbang teman-teman yang lain akan mengambilnya terlebih dahulu.

Sampai waktunya Othman pun memanjat tembok lalu dengan lafaz Bismillah dia memukul beduk itu. Dipukulnya bersungguh-sungguh, sehingga tercungap-cungap dibuatnya. Dia berasa bangga dapat memukul beduk itu tetapi perasaan ini hilang apabila dijerkah oleh Lebai Hamid. Dia tidak tahu apa kesalahannya sehinggalah dia diberitahu oleh kawan-kawannya bahawa cara pukulan yang dibuatnya itu menandakan ada kematian.



***Ada sebuah jambatan yang merentangi muara Sungai Baru yang menghubungkan Kampung Kuala dengan Kampung Baru. Setiap kali terpandang jambatan itu, Othman akan teringat yang dia pernah hampir lemas di situ. Ini berlaku kerana Othman terburu-buru menyambut cabaran kawan-kawannya supaya terjun ke dalam sungai. Nasib baiklah ada nelayan Cina yang menyelamatkannya.***

## Tangan mengheret bahu memikul

Dalam mengharungi kehidupan yang mencabar inilah, Othman terus belajar dengan tekun. Sewaktu di *remove class* pelajarannya sederhana sahaja. Ini semacam musim peralihan menghadapi pelajaran sambil menyesuaikan diri dengan latar kehidupan yang ada dan masyarakat sekolah yang baru.

Apabila meningkat ke *form one* dan *form two* pelajarannya semakin bertambah baik tetapi belum begitu memuaskan. Ini kerana berulang-alik dengan bas memakan masa yang panjang dan kurang waktu mengulang kaji pelajaran. Ahli keluarganya sentiasa mengikuti perkembangan pelajarannya dan sentiasa menggalakkannya.



Rumah pusaka tinggalan orang tua Othman Puteh di Kuala Sungai Baru, Melaka.

Nasib baik pada tahun 1960 permohonan Othman untuk tinggal di asrama diterima. Asrama ini terletak di hujung padang Sekolah Kebangsaan Bukit Cina, dikenali sebagai Asrama Lelaki Bukit Cina. Bayaran asrama ini sebanyak RM18.00 sebulan.

Tinggal di sini membolehkan Othman Puteh berkenalan dengan pelajar High School, Anglo Chinese School dan Gajah Berang Secondary School. Guru Pegawas asrama ialah Encik Yahaya Ibrahim Pengelola Sekolah Kebangsaan Melaka, (kini Dr. Yahaya Ibrahim, pesara Timbalan Nazir Bebas Malaysia dan Pengetua Kolej miliknya).

Pada tahun 1960, Othman lulus peperiksaan LCE (Lower Certificate of Education). Dia lulus peperiksaan ini walaupun tidak sebaik kawan-kawannya seperti Khamis Endin, Hashim Abu dan Ismail Ibrahim. Begitulah, Othman Puteh menyahut cabaran pelajaran menengah rendah



Othman, merenung jauh ke arah kampung dan rumah pusaka yang banyak meninggalkan nostalgia suka duka di zaman kanak-kanak.

dengan kemampuan yang ada sesuai dengan latar kehidupannya yang ala kadar.

## Mula mengasah bakat

Bakat penulisan seseorang tidak muncul begitu sahaja. Bakat umpama biji benih yang dibaja dan disiram sekian lama, barulah ia tumbuh. Ia bermula daripada penghayatan naluri imaginasi dan naluri ingin tahu pada zaman kanak-kanak. Naluri ini juga disertai dengan bakat, minat dan akhirnya usaha yang bersungguh-sungguh, baharulah berjaya menulis.

Inilah yang dilalui oleh Othman Puteh. Kita lihat pada zaman kanak-kanaknya, dia rajin membaca dan bahan yang dibacanya bermutu pula. Pada zaman remajanya Othman menjadi ahli perpustakaan awam di bandar Melaka dan membaca novel-novel Indonesia yang bermutu.

Minatnya kepada karya kreatif sungguh luar biasa. Maka itu Othman sentiasa mengikuti cerpen dalam akhbar *Utusan Pemuda, Berita Harian, Berita Minggu* dan *Utusan Zaman;* dalam majalah *Mutiara, Mastika, Terang Bulan* dan sebagainya. Dia akan menggunting setiap cerpen yang tersiar dalam akhbar dan ditampalkan dalam buku terpakai. Guntingan cerpen-cerpen ini masih tersimpan dalam koleksinya.

Untuk membeli akhbar, Othman terpaksa berjimat sebahagian daripada wang sakunya. Bagaimanapun, abangnya Muhammad Ali dan Abu Bakar juga minat membaca. Maka itu mereka selalu memberikan wang kepadanya untuk membeli majalah *Mastika* dan *Mutiara.* Di samping itu, Othman juga minat menonton filem dan sesekali menonton bangsawan.

Semasa tinggal di asrama Othman dilantik menjadi Ketua Persuratan. Dia bertanggungjawab

*" Saya mengesani secara sedar kini, penghijrahan dari desa di pinggir pantai ke bandar Melaka pada tahun 1957, adalah pendedahan awal. Pengalaman penting dalam dunia sastera dan dari sinilah saya banyak menambah pengalaman dan pengetahuan sastera, melalui pembacaan dan beberapa aktiviti sastera kendalian Ikatan Persuratan Melayu Melaka dan Lembaga Bahasa Melayu Melaka ".*

Othman Puteh



Othman bersama abangnya Abu Bakar.



Perkahwinan Abu Bakar dan Norliah Abdullah (1961).

menyelia peserta apabila aktiviti sastera dan budaya diadakan. Kegiatan ini termasuklah pertandingan membaca sajak, syair, bahas, syarahan dan sebagainya. Dia berjaya menganjurkan sambutan Minggu Bahasa Kebangsaan peringkat asrama. Dia mula mengenali beberapa pengarang Melaka seperti Zulastry, Mokhtar Daud, Ajikik, Mokhtar Yassin, Madu Lara dan Mawarni A.S., melalui kegiatan anjuran Ikatan Persuratan Melayu Melaka (IPM).

Semasa berada di tingkatan lima, Othman pernah mementaskan drama "Nyawa di Hujung Pedang". Pementasan ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Selaku pengarah pementasan itu dia berasa gembira dengan kejayaan ini.

Semua aktiviti Othman ini ibarat baja, air dan udara yang menghidupkan "benih sastera" dalam jiwa. Segala pembacaan (buku, majalah, akhbar), menonton (filem, bangsawan dan kejadian seharihari) dan aktiviti (kegiatan anjuran IPM, pementasan drama misalnya), adalah pengalaman yang berharga baginya. Dan unsur-unsur inilah yang merangsangkan Othman untuk mencuba bakat dalam bidang penulisan.

"Adakah aku boleh berjaya seperti mereka?"

"Bolehkah aku jadi pengarang kelak?"

Itulah soalan yang berlegar-legar di sanubari Othman. Lebih-lebih lagi apabila bertemu penulis-penulis dalam kegiatan anjuran IPM misalnya. Othman berminat menulis cerpen tetapi tiada bimbingan pada masa itu. Maka itu pembacaan cerpen yang dibuatnya selama ini menjadi semacam guru yang mengajar Othman.

Pada tahun 1961, abang kedua Othman, Abu Bakar berkahwin. Peristiwa perkahwinan ini mencetuskan ilham untuk Othman menulis cerpen. Maka itu ditanganinya sebuah cerpen dan diberikan judul "Bimbang" dan tersiar dalam

Utusan Pemuda. Bayaran honorarium yang diterimanya ialah RM10.00. Kemudian, sebuah karyanya berjudul "Malam Membawa Maut" tersiar pula dalam Utusan Zaman pada tahun yang sama. Ternyata sekarang, Othman mempunyai bakat dalam penulisan. Othman telah memulakan langkah pertama dalam perjalanan sastera yang amat jauh sehingga kini.


Zulastry (Saleh Daud)

Tersiarnya kedua-dua cerpen itu memberikan semangat yang kuat di jiwanya untuk terus mencipta. Selepas itu dia sering menghantar karya kepada badan-badan penerbitan tetapi malangnya tidak tersiar. Ini suatu dugaan yang tidak dapat tidak mesti dihadapi oleh penulis muda. Akan tetapi Othman tidak kecewa dan berputus asa.


Ajikik (Ismail Ahmad)


Mokhtar Yassin

## Menamatkan pelajaran menengah

Pada tahun-tahun 60-an, seseorang pelajar yang hendak menduduki peperiksaan OSC/FMC (*Oversea School Certificate/Federation of Malaya Certificate*) mesti menduduki Ujian Kelayakan terlebih dahulu. Othman menduduki ujian ini pada pertengahan tahun 1962. Pada penghujung tahun tersebut peperiksaan sebenar OSC/FMC berlangsung.



Othman Puteh (tanda x) bersama rakannya di Maktab Perguruan Kota Bharu (MPKB), Kelantan(1963).

Sebenarnya, Othman berminat untuk menjadi pendidik. Maka itu dia memohon untuk memasuki maktab perguruan, dengan berbekalkan kelulusan LCE kerana ketika itu keputusan OSC/FMC belum lagi diperoleh. Cita-citanya terkabul apabila ditawarkan ke Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan.

Sebetulnya Othaman berminat untuk memasuki MPSI kerana inilah maktab yang dicita-citakannya. Lebih-lebih lagi, sahabatnya Ishak Husain sedang belajar di MPSI. Ishak Husain selalu menulis surat kepadanya tentang keistimewaan maktab ini, baik dari segi lokasinya mahupun dari segi pembelajaran, penuntut dan pensyarahnya. Sejarah telah membuktikan bahawa MPSI melahirkan banyak pejuang kemerdekaan dan tokoh sasterawan yang ternama di tanah air.

Cita-cita Othman untuk menuntut di MPSI ini terlaksana akhirnya. Setelah tiga bulan menuntut d MPKB pada tahun 1963, Othman dipindahkan ke MPSI Tanjung Malim. Perpindahan ini berikutan kelulusan Othman dalam OSC/FML.



Jamuan meraikan pelajar-pelajar baru MPKB '63. Othman Puteh (tanda x)

BAB 3

# Menuntut dalam Bidang Iktisas



Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim.

## Maktab Suluh Budiman

Maktab Suluh Budiman iaitu nama lain bagi Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Maktab ini dibina pada tahun 1922 dan terletak di Tanjung Malim. Maktab ini adalah salah sebuah Maktab Perguruan yang tertua di tanah air. Sebelum ini maktab tersebut dikenali sebagai Sultan Idris Training College (SITC).

Maktab ini terletak di suatu tanah rata, di depannya padang yang luas menghijau dengan rumput. Di belakangnya berbalam-balam banjaran Titiwangsa. Bangunan induknya kelihatan teguh dan unik, dengan reka bentuk

***Di sinilah Othman Puteh menimba ilmu dalam bidang perguruan selama dua tahun (1963-1964). Othman tinggal di Bilik Satu, Asrama Bendahara Seri Maharaja atau Asrama 'A'. Asrama ini terletak di tadah utara, iaitu di kiri bangunan induk.***

***Cogan kata atau motto maktab ini berbunyi* "Pengetahuan Suluh Budiman" *dan daripada cogan kata inilah timbulnya nama Maktab Suluh Budiman.***



Penghuni asrama Bendahara Seri Maharaja (Rumah 'A'), MPSI (1963) bersama-sama Pengetua Maktab MPSI dan guru pengawas asrama. Othman Puteh (tanda x).

kolonial. Di kiri kanannya terdiri bangunan asrama dan di belakangnya dewan makan. Kini, di sekitarnya didirikan bangunan lain mengikut keperluan semasa.

Memang ramai para budiman yang lahir daripada maktab ini. Ia meliputi budiman dalam bidang kepimpinan politik, bidang sastera, perguruan dan ahli korporat juga.

Tokoh politik dan kepimpinan negara seperti Abd. Ghafar Baba, Sidek Sanif (Singapura), Pengeran Yusof (Brunei), Ibrahim Yaakub dan ramai lagi. Tokoh sastera ialah Harun Aminurrashid, Masuri S.N. (Singapura), Yura Halim (Brunei), Kemala, A. Wahab Ali, Hasan Ali dan Othman Puteh sendiri. Tokoh dalam bidang pendidikan ialah Awang Had Salleh, Atan Long dan tokoh korporat pula antara lain ialah M. Noor Azam, Mohd. Kassa Abd Aziz, Mohd. Helmi Haji Ismail dan banyak lagi.

## Ilmu dalam bidang ikhtisas

Othman yang meminati bidang penulisan tidak berpeluang menambah ilmu dalam bidang ini. Ini

kerana pelajaran sastera secara khusus atau secara umum tidak diajarkan di maktab. Maktab ini mendidik para pelatih untuk menjadi guru yang terlatih di sekolah rendah. Sudah tentulah pembelajarannya tertumpu kepada psikologi kanak-kanak, perguruan, teknik mengajar, pembinaan kurikulum dan sebagainya.

Di samping pelajaran teori pendidikan, calon guru ini akan membuat latihan amali yang dikenali sebagai praktikum. Mereka keluar mengajar di sekolah-sekolah di sekitar Tanjung Malim hingga ke Bidur di utara dan Rawang di selatan, selama dua bulan. Praktikum ini dilakukan pada tahun pertama dan sekali lagi pada tahun kedua.

Sepanjang latihan mengajar ini Othman pernah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Sungai Choh, Sekolah Kebangsaan Tanjung Malim dan Sekolah Kebangsaan Bikam. Para pelatih ini dihantar dan dibawa balik dengan bas maktab.

Sebelum pergi mengajar, para pelatih diwajibkan menyediakan "Persediaan Mengajar".




Ahli Jawatankuasa Persatuan Bahasa Melayu MPSI (1963/64). Othman Puteh (tanda x) dipilih menerajui PBM 1964.

Selain itu disediakan juga alat bantuan mengajar. Selalunya gambar, rajah atau carta di atas kad dan dilukis berwarna-warni. Sekali sekala mereka akan diselia oleh para pensyarah semasa mereka mengajar untuk dinilai dan diberikan teguran (jika perlu).

## Makan nasi kawah

Tinggal di asrama memang benarlah makan nasi kawah. Sebetulnya memang makanan di maktab ini dimasak dalam kawah-kawah yang besar. Malah, tukang masaknya pun kebanyakannya berbadan besar dan berperut buncit. Selalunya pelajar yang bercuti di kampung apabila hendak balik ke maktab akan menyatakan: "Balik makan nasi kawah". Selama dua tahun Othman Puteh makan nasi kawah ini.

Peraturan makan di maktab ini ditentukan dengan beberapa peraturan. Pakaian mestilah kemas. Tidak dibenarkan memakai "kelambu", iaitu istilah yang popular jika memakai kain



Othman Puteh (tanda x) bersama-sama penghuni Asrama Bendahara Seri Maharaja menikmati jamuan di Bilik '3'.

sarung. Hanya masuk ke dewan makan apabila dipanggil dengan "loceng agung".

Loceng agung ialah roda keretapi yang digantung pada tiang di belakang dewan makan. Apabila waktu untuk makan atau minum tiba, loceng agung ini dipukul dengan pemukul besi sebanyak tiga kali. Berdengung dan bergema bunyinya. Seluruh kawasan maktab yang luas itu akan bergema dengan bunyi ini. Ada penuntut yang melepaskan gian memukul loceng ini sebelum waktu makan. Apalagi, dewan makan pun diserbu penuntut tetapi tiada apa di situ kecuali pinggan kosong yang teratur di atas meja.

Para pelajar dikira masih dalam golongan remaja atas. Mereka masih dalam proses membesar. Selalunya mereka sentiasa lapar sahaja. Maka itu sebelum waktu untuk makan, mereka sudah berdedai-dedai di pintu dewan makan menunggu loceng agung dipukul. Sebaik-baik loceng agung dipukul mereka menyerbu ke meja masing-masing.

Para penuntut belum lagi dibenarkan menjamah makanan, walaupun sudah duduk di kerusi masing-masing. Doa terlebih dahulu dibaca. Ada juga pembaca doa yang membaca doa yang terlalu panjang tetapi akan diaminkan dengan kuat sebagai protes hendak cepat makan.

Pada waktu inilah juga Ketua Penuntut atau Penolongnya akan membuat beberapa pengumuman kalau perlu. Sekiranya pengumuman ini panjang, akan disorak juga oleh para pelajar. Kecuali, pengumuman yang benar-benar penting.

## Panjang ekor

"Panjang ekor" ialah istilah yang sangat popular di maktab ini. Maksudnya, kelakuan penuntut



Othman Puteh (tanda x) bersama-sama rakan pelajar berbaris ke Masjid Jamek Tanjung Malim, untuk menunaikan fardu Jumaat.

yang menunjukkan belang atau kenakalan dengan melanggar peraturan. Selalunya penuntut tahun dualah yang bersikap panjang ekor. Penuntut tahun satu masih "pendek ekor" kerana masih *junior* dan baru datang ke maktab.

Othman Puteh selalu juga bersikap panjang ekor ini. Ada ketikanya Othman mengambil minuman malam sebelum loceng dibunyikan. Ada hari-harinya minuman malam ini hidangan bubur gandum. Bubur inilah yang diambil Othman dalam gelap di dewan makan itu dengan menggunakan timba.

Minat Othman ialah menulis. Maka itu dia akan menulis apabila ada kesempatan. Semasa di MPSI Othman sudah mempunyai mesin taip. Othman akan menaip pada waktu petang, waktu semua penuntut mesti turun ke padang untuk bermain. Kegiatan menaip waktu yang sepatutnya bermain juga sebagai tindakan panjang ekor.

Selain itu Othman juga selalu ke perpustakaan. Ini suatu kegiatan yang terpuji. Akan tetapi mengambil buku perpustakaan dibawa balik adalah tindakan panjang ekor. Othman ada membawa balik buku perpustakaan ini iaitu novel *Keluarga Gerilya* karya Pramoedya Ananta Toer dan disimpannya hingga kini. Katanya sebagai tanda kenangan pernah menuntut di MPSI.

***Kehidupan di maktab merupakan kehidupan bermasyarakat yang tersendiri. Bergaul dengan teman-teman sebaya menjanjikan peluang yang besar untuk memajukan diri. Juga persekitaran yang selesa turut sama menolong Othman terus mengasah bakat penulisan. Beribu-ribu buku di perpustakaan digunakan oleh Othman untuk menimba ilmu dan pengalaman.***

## Terus mengasah bakat

Sekali lagi Othman Puteh berhijrah, kali ini dari Melaka ke Tanjung Malim. Sudah tentu Othman mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Di maktab, Othman terpaksa berdikari, tiada lagi pengawasan ibu dan kakak atau abang-abangnya.

Dalam kehidupan yang serba baru ini, Othman berjaya menulis cerpen "Isteriku Menangis Lagi". Inilah satu-satunya cerpen Othman pada tahun 1963, tahun pertama di maktab. Cerpen ini tersiar dalam majalah *Bayu* terbitan Persatuan Bahasa Melayu maktab ini.

Othman berkarya menggunakan mesin taip. Mesin taip ini dibeli secara bayaran ansuran melalui jasa baik seorang pensyarah Encik Rahim Darus. Othman akan menaip di atas katil. Untuk menahan henjutan katil yang berspring itu, Othman meletakkan papan di bawahnya. Dia akan menaip pada waktu petang, ketika semua pelajar turun ke padang untuk bermain.

Selain daripada pembacaan buku, Othman didorong oleh teman-teman yang sealiran. Mereka ialah Rubaidin Siwar (telah kembali ke rahmatullah), M.Z. Alias dan Imsa Anita. Mereka sering bertemu lalu berbincang hal penulisan dan sastera. Teman-teman Othman ini juga menjadi penulis yang terkenal setelah keluar dari maktab.

## Majalah *Bayu*

Pada tahun 1964, Othman dipilih menjadi pengerusi Persatuan Bahasa Melayu. Secara automatis Othman menjadi Ketua Pengarang majalah *Bayu*, iaitu lidah rasmi persatuan itu. *Bayu* ialah akronim Bahasa Melayu. Ini suatu tanggungjawab yang berat tetapi Othman amat menyenangi tugas ini. Ini kerana kerja seperti ini cukup diminati dan bidang ini adalah kemahirannya.

Sebenarnya ada dua majalah lagi yang diterbitkan iaitu majalah *Suluh Budiman* dan *Cendermata MPSI*. *Suluh Budiman* merupakan suara Persatuan Penuntut Suluh Budiman dan majalah ini diterbitkan secara berkala. *Cenderamata MPSI* pula adalah majalah tahunan yang menjadi suara rasmi maktab.

Melalui ketiga-tiga majalah inilah para penuntut berkarya. Mereka menunjukkan bakat penulisan dalam bidang kreatif dan bukan kreatif seperti esei dan rencana. Dengan adanya majalah-majalah ini peluang untuk para penuntut berkarya terbuka luas. Othman tidak melepaskan peluang untuk berkarya melalui majalah yang ada ini. Inilah peluang keemasan baginya untuk memantapkan diri.

## Mendapat tempat

Pada tahun kedua di maktab, Othman sudah menguasai keadaan. Kalau pada tahun pertama, masa penyesuaian, maka pada tahun kedua Othman sudah matang. Dia sudah menguasai sistem pembelajaran sehari-hari dengan tugas memenuhi minat penulisan. Othman benar-benar dapat menumpukan perhatian kepada bidang penulisan. Othman mahu melangkah dari dunia sekitar maktab kepada masyarakat yang lebih besar.

Othman menyedari untuk keluar dari kepompong lokal, dia mesti mempunyai tradisi penulisan yang mantap. Landas utama yang ada ialah berkarya melalui wadah yang sedia ada, iaitu majalah *Bayu*, *Suluh Budiman* dan *Cenderamata MPSI*. Di samping mencari pengalaman, Othman menilai kemajuan diri untuk menerpa ke muka.

Maka itu pada tahun 1964 itu, lahir karya Othman dengan cerpen "Cerpen Maha Pendek" dan "Gamitan Maut" dalam majalah *Bayu*. Kemudian, cerpen "Hanya Secebis Kegembiraan" dan "Memburu Bahagia" dalam *Suluh Budiman* dan cerpen "Menanti Bibir Mengorak Senyum" dalam *Cenderamata MPSI* 1964. Empat buah cerpen ini membuktikan yang Othman sudah kukuh dalam pengkaryaan cerpen.

Setelah itu barulah Othman mengepak keluar, bak kata orang tua-tua anak muda julung berkeris, mencuba gelanggang lawan. Maka itu lahirlah karya Othman dalam majalah *Gema Dunia* dengan cerpen "Jerung Laut Jerung Darat", Mac 1964 dan "Pengakuan", Mei 1964.

Tidak mudah mendapat tempat dalam surat khabar utama negara. Seseorang itu mesti mencuba beberapa kali, kadang-kadang sehingga setahun untuk mendapat tempat. Kejayaan Othman dalam usia yang muda dapat merebut tempat dalam *Berita Harian* dan *Berita Minggu* sangat membanggakan.

Othman juga menceburi bidang penulisan drama dengan menulis, mengarah dan berlakon. Dramanya berjudul "Hanya Setitik Darah Hitam" dipentaskan di MPSI, pada tahun 1964. Othman yang menulis skripnya dan sekali gus menjadi pengarahnya. Drama inilah buat pertama kali dalam sejarah MPSI menggunakan pelakon wanita yang terdiri daripada anak karyawan MPSI dan ahli Persatuan Wanita Tanjung Malim.



***Othman mencuba di* Berita Harian *yang menyiarkan cerpen peraduan setiap hari Khamis dengan hadiah RM100.00. Othman berjaya mendapat tempat dalam akhbar itu dengan cerpennya* "Pergi Lagi Mengajar" *(7 Mei 1964) dan* "Titian yang Merintangi Jurang" *(29 Oktober 1964).***



***Suatu pencapaian yang sangat bermakna bagi Othman ialah cerpennya* "Diburu Gelisah" *memenangi hadiah pertama dalam peraduan menulis cerpen anjuran MPSI dan kemudiannya berjaya menembusi* Berita Minggu, *13 Disember 1964. Ternyata penulis muda ini sudah mendapat tempat di arena kesusasteraan tanah air.***



"Hanya Setitik Darah Hitam" drama karya dan arahan Othman Puteh (1964).

Sebelum ini pelakon wanita dilakonkan oleh penuntut lelaki. Drama ini juga dipentaskan semula pada tahun 1965 di Sekolah Kebangsaan Kuala Sungai Baru dengan arahan Othman juga. Othman turut berlakon sebagai ayah dalam drama ini.

***Sepanjang dua tahun di maktab (1963-1964), Othman telah mencipta 11 buah cerpen, iaitu:***

1. ***"Isteriku Menangis Lagi"***
2. ***"Cerpen Maha Pendek"***
3. ***"Hanya Secebis Kegembiraan"***
4. ***"Gamitan Maut"***
5. ***"Memburu Bahagia"***
6. ***"Jerung Laut Jerung Darat"***
7. ***"Pengakuan"***
8. ***"Pergi Lagi Mengajar"***
9. ***"Titian yang Merintangi Jurang"***
10. ***"Menanti Bibir Mengorak Senyum"***
11. ***"Diburu Gelisah"***

## Analisa karya

Sejarah penulisan Othman secara serius bermula di maktab ini. Period ini dapat dianggap sebagai tahap awal penulisan Othman. Karya tahap awal ini perlu diberikan perhatian khusus, kerana bertolak dari sinilah Othman membina jati dirinya.

Dalam tempoh dua tahun Othman telah menghasilkan 11 buah cerpen. Hal ini dapat dianggap satu usaha yang mengagumkan. Hanya dua cerpen dihasilkan pada tahun 1963, yang selebihnya pada tahun 1964. Suatu keadaan berkarya seperti ini dikenali sebagai prolifik, penulis yang prolifik.

Mari kita lihat apa yang disentuh oleh Othman melalui 11 buah cerpen tersebut.

## Analisa Cerpen Othman Puteh

| Bil. | Watak* | Persoalan* |
|---|---|---|
| 1 | Aku dan isteri (Timah) (kedua-duanya guru) | Kasih sayang suami isteri. Mula-mula bersengketa kemudian berbaik-baik. |
| 2 | Aku (guru pelatih), Hana (gadis) | Percintaan muda-mudi. Aku bercinta dengan tunangan orang. |
| 3 | Deraman, Pilus dan Sampul (nelayan) | Pembaziran dalam kegiatan merasmikan kampung nelayan. |
| 4 | Tajab dan Ah Lang (nelayan) yang susah. | Akibat konfrontasi. |
| 5 | Meriah, Marcian (pelajar) | Mencari kebenaran dalam agama. |
| 6 | Draman, Ah Seng (nelayan) | Kecurangan dalam rumah tangga. |
| 7 | Murad (Pegawai Tanam Semula) dan isteri Mah, orang kampung | Kejujuran, tidak rasuah dan tanggungjawab |
| 8 | Othman, aku (Usof) dan teman-teman (semuanya guru pelatih) | Pengalaman pertama dalam mengajar. |
| 9 | Aku (Majid, pegawai) Pak Long (orang kampung) | Perselisihan dalam keluarga. |
| 10 | Aku (tukang gunting) | Kesempitan hidup sebagai tukang gunting. |
| 11 | Berahim (orang buta, pemanjat kelapa) | Kesunyian hidup orang buta. |

* **Watak:** *orang yang beraksi dan berdialog dalam cerpen.*

* **Persoalan:** *Perkara atau hal yang diceritakan oleh pengarang dalam cerpen.*

## Apakah yang kita tahu tentang karya Othman Puteh

Mari kita amati keterangan di atas. Kita akan mendapat beberapa keterangan tentang karya Othman. Keterangan ini penting untuk mengetahui apa yang hendak diutarakan oleh Othman.

- Othman memilih watak yang dikenali dan yang hidup di sekitaranya. Watak ini ialah guru, guru pelatih, nelayan, pegawai kerajaan, orang kampung, pelajar sekolah dan sebagainya.
- Perkara atau isu atau persoalan yang disentuhnya ialah hal-hal yang diketahuinya. Hal-hal ini pernah terjadi dalam masyarakat. Hal-hal itu pernah dilihat, didengar dan dialami sendiri oleh Othman.

Bertolak daripada dua keterangan di atas, kita sampai kepada suatu kesimpulan:

Othman menceritakan hal watak dan perkara-perkara dalam masyarakat yang dekat dengannya. Othman mengambil bahan daripada perkara yang berlaku dalam masyarakat ke dalam cerpennya. Hal-hal masyarakat itu pernah terjadi dalam masyarakat sehari-hari.

Inilah yang dikatakan Othman Puteh membawa unsur "realisme" dalam karyanya.

BAB
4

# Dunia Perguruan

## Sebagai pendidik

Tahun 1964, tahun tamatnya pengajian Othman Puteh dalam bidang ikhtisas. Sekarang, Othman seorang guru terlatih dan inilah bidang kepakarannya. Bermula 2 Januari 1965, Othman ditempatkan mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, Melaka. Di sinilah Othman mengajar sebelum melanjutkan pelajarannya pada peringkat ijazah pada tahun 1973.

Setelah tamat pengajian ijazah pertama, Othman kembali mengajar. Kalau dulu di sekolah rendah, kini di sekolah menengah, sesuai dengan kelulusannya. Othman bertugas di Sekolah Ghafar Baba selama tiga bulan pada tahun 1976. Kemudian, ditempatkan di Sekolah Menengah Rahmat, Kuala Sungai Baru, Melaka, sehingga 15 Februari 1978.

***Selama sembilan tahun mengajar di sekolah rendah, dan hampir satu tahun di sekolah menengah menjadikan Othman Puteh matang dalam dunia pendidikan. Dunia guru menjadi darah daging Othman dan cintanya pada tugas yang mulia ini amat mendalam.***



Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, Melaka.



Sekolah Menengah Rahmat, Kuala Sungai Baru, Melaka.



Sekolah Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka.



Timah Baba

***Pada suatu ketika, Othman bertemu gadis ini. Othman berkenan kepada gadis ini lalu menyimpan hasrat yang suci dalam hati. Dia akan menyunting gadis ini apabila tiba waktu yang sesuai. Dia percaya yang jodoh itu di tangan Tuhan.***

## Bertemu jodoh

Ada seorang gadis bernama Timah Baba tinggal di Kampung Tengah, tempat Othman mengajar. Gadis ini baru lulus S.P.M. dan menjadi guru sementara di Sekolah Kebangsaan Lubuk Redan. Othman menaruh hati pada gadis ini dan bercita-cita hendak menyuntingnya pada suatu ketika yang sesuai nanti.

Pada tahun berikutnya, 1966, Timah melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka. Ini untuk melayakkannya menjadi guru terlatih. Timah menuntut di maktab ini sehingga tahun 1967.

Setelah tamat pengajian ikhtisasnya, pada tahun 1968, Timah ditugaskan mengajar di Sekolah Kebangsaan Jalan Bahagia, Temerluh, Pahang. Timah terpaksa mengajar jauh dari kampung halamannya. Ini suatu cabaran bagi Timah yang mesti dihadapinya.



Timah Baba (tanda x) bersama-sama penuntut Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka.



Timah Baba (tanda x) bersama-sama rakan setugas dan muridnya di Sekolah Kebangsaan, Bandar Baru Bangi.



Persandingan Othman Puteh dan Timah Baba (21 Disember 1969).

Seperti yang dirancangkan, Othman akhirnya bertemu jodoh dengan Timah. Mereka diijab kabul pada 16 Ogos 1968. Hikmah lain daripada pernikahan ini Timah dapat pulang bertugas di Melaka dengan alasan mengikut suami. Pada 21 Disember 1969 barulah majlis perkahwinan dilangsungkan.

Timah bukan sahaja seorang guru, malah juga seorang penulis. Mereka saling cinta-menyintai dan sealiran pula, iaitu kedua-duanya penulis.

Tahukah anda apakah natijah seorang penulis bertemu jodoh dengan penulis? Jawapannya, sudah tentu mendapat anak penulis juga.

Ini terbukti benar, anak Othman dan Timah yang sulung, Hizairi merupakan seorang penulis muda yang sedang mencipta nama. Hizairi dilahirkan pada 8 Oktober 1970 dan sekarang bertugas sebagai pensyarah di Universiti Putra Malaysia (UPM).

## Mendidik di sekolah

Dari 2 Januari 1964–29 Mei 1973, Othman mengajar di sekolah rendah. Dari Mac– Mei 1976 untuk selama tiga bulan Othman mengajar di Sekolah Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka dan pada Mei 1977–15 Februari 1978, Othman mengajar di Sekolah Menengah Rahmat. Tempoh ini merupakan waktu yang agak panjang. Banyak pengalaman yang mematangkan Othman. Sebagai seorang pendidik sekali gus sebagai penulis, Othman menggalakkan murid-muridnya rajin membaca. Bacaan tidak sahaja tertumpu kepada buku teks, malahan buku bacaan tambahan.

Namun begitu, pada tahun 60-an dan 70-an bahan bacaan tambahan yang bermutu amat kurang. Belum ada perpustakaan baik di sekolah mahupun di daerah yang mempunyai koleksi buku yang lengkap. Pada masa itu hanya ada beberapa buah buku terbitan Penerbit Saudara Sinaran, Pulau Pinang yang terdapat di sekolah ini.

Di samping itu, faktor kemiskinan juga menjadi penghalang kepada murid untuk memiliki bahan bacaan. Pengedaran buku pula tidak menyeluruh, tidak sampai ke luar bandar. Walaupun buku pada masa itu berharga RM0.80 hingga RM1.50, namun para murid tidak mampu membelinya.

Maka itu, Othman memikirkan suatu cara lain bagi membantu murid-muridnya. Dia meminta

muridnya menyumbang lima sen seorang setiap minggu. Othman dapat mengumpulkan RM1.20 setiap minggu. Manakala, Othman menambah kutipan itu dengan RM1.00 seminggu. Dengan wang inilah Othman membeli buku untuk murid-muridnya. Dengan demikian, buku untuk murid-muridnya bertambah dari masa ke masa.

## Mutu bahan bacaan

Ada kekurangan yang Othman temui dalam buku-buku yang dikumpulkannya. Isi kandungan buku itu tidak meluas dan pokok persoalannya tidak banyak. Kebanyakannya cerita kekeluargaan. Timbul persoalan dalam dirinya, mengapa tidak aku sahaja menulis untuk melengkapi kekurangan ini?

Othman berhasrat menulis dalam bidang sastera untuk melengkapkan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Ini kerana bahan bacaan seperti ini lebih memberi penekanan kepada nilai moral dan sekali gus mendidik. Berbanding dengan buku teks yang lebih kepada fakta ilmu semata-mata.

Bagi melengkapi kekurangan bahan bacaan yang bermutu mulai tahun 1967 Othman mula menyumbang cerpen di dalam *Dewan Pelajar*. Dia berterusan menyumbang di dalam *Dewan Pelajar* sehingga diberikan Hadiah Penghargaan *Dewan Pelajar* pada tahun 1979. Sehingga kini, cerpen kanak-kanak yang dihasilkan oleh Othman berjumlah 40 buah.

## Menambah ilmu

Sebagai guru, Othman sentiasa menasihati para pelajarnya supaya rajin dan tekun menuntut ilmu. Guru dan nasihat tidak dapat dipisahkan. Bukan sekadar cakap kosong, Othman menjadikan dirinya sebagai contoh. Seseorang itu mestilah

menambah ilmunya dari semasa ke semasa. Inilah konsep hidup yang dipegang Othman.

Atas kesedaran inilah Othman terus belajar untuk menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STP). Mengajar sambil belajar merupakan suatu beban yang berat tetapi ini dianggap Othman sebagai cabaran. Yang penting usaha yang gigih dan sedikit tuah, pasti berjaya. Dalam hidup mesti ada cita-cita yang lebih tinggi dan berusaha mencapainya. Untuk memperbaiki taraf hidup, salah satu caranya ialah dengan mencari ilmu setinggi-tingginya.

Pada tahun 1972, Othman mengambil peperiksaan STP dan layak memohon masuk ke universiti. Berbekalkan sijil ini Othman melanjutkan pelajaran di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur. Setelah mendapat ijazah, Othman ditugaskan oleh Kementerian Pelajaran mengajar di sekolah menengah.

Seterusnya, Othman menyambung lagi pelajaran dengan mengambil ijazah sarjana pula. Ini dilakukannya pada tahun 1978–1981 di UKM,



Othman Puteh (tanda x) bersama-sama pensyarah dan siswa angkatan pertama Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), UKM, Jalan Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Bangi. Sebagai calon Sarjana dia mengkaji "Cerpen-cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: 1945–1969" dan menjadi Tutor di Jabatan Persuratan Melayu, UKM. Setelah lulus Sarjana, dia dilantik menjadi pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, universiti yang sama. Othman melangkah lagi ke depan dengan mengambil Ph.D. Kali ini dia mengkaji "Langgam Penceritaan Cerpen Melayu" dan lulus pada tahun 1992. Dengan ini, dia sudah mencapai puncak pelajaran akademiknya dengan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah.

*Begitulah Othman membuktikan tiga kecintaannya: pertama, menyintai ilmu pengetahuan, kedua menyintai profesionnya sebagai pendidik, dan ketiga sebagai penulis yang tekun berkarya.*

Othman tetap menyintai dunia pendidikan, kalau dulu "guru" sekarang "pensyarah". Dulu di sekolah rendah dan menengah, sekarang di universiti. Para pelajarnya dikenali sebagai "mahasiswa". Dia mendidik mahasiswa generasi demi generasi. Kalau hartawan kaya dengan harta, tetapi Othman sebagai pensyarah kaya dengan siswazah yang bertaburan di seluruh negara.

## Terus berkarya

Kata pepatah "guru adalah 24 jam guru". Maksudnya, selepas mengajar di sekolah, seorang guru akan menyambung tugas keguruannya di rumah. Dia memeriksa buku latihan pelajar yang bertimbun-timbun banyaknya. Dia menyediakan alat bantu mengajar. Dia bersedia dengan bahan pengajaran untuk esok.

Dalam kerja yang demikian sibuk, Othman masih dapat berkarya. Pokoknya, pengurusan waktu dan disiplin diri amat penting, apabila ada masa yang terluang, dia pasti akan menulis. Maka itu, kita lihat Othman terus menghasilkan karya sastera sepanjang tugasnya menjadi guru.

Semua cerpen Othman Puteh termuat dalam *Jerung Darat dan Cerpen-cerpen Lain* yang diterbitkan Fajar Bakti, 1998, dan empat buah

| Cerpen yang dihasilkan Othman semasa menjadi guru | |
|---|---|
| **Tahun** | **Bilangan** |
| 1965 | 4 |
| 1966 | 2 |
| 1967 | 3 |
| 1968 | 2 |
| 1969 | 4 |
| 1970 | 5 |
| 1971 | 5 |
| 1972 | 6 |
| 1973 | 3 |
| Jumlah | 34 |

cerpen lagi dalam *Dunia Belum Berakhir*, Utusan Melayu, 1980.







## Sifat karya

Othman Puteh telah menghasilkan lebih 30 buah cerpen setakat ini. Apabila diteliti cerpen-cerpennya ini, kita dapat membuat kesimpulan tentang sifat karyanya. Pertama, teknik penulisan Othman ialah teknik yang lazim digunakan oleh pengarang-pengarang lain yang sezaman dengannya. Teknik penulisannya mengikut struktur cerpen yang biasa. Cerpen biasa ada tema, plot, watak dan latar. Cerpen itu ada permulaan, konflik dan penamat.

Kedua, watak dalam cerpen Othman adalah orang-orang yang biasa di sekeliling kita. Mereka manusia, berdarah daging sama seperti kita. Mereka bernama dan bersifat sebagai manusia biasa.

Ketiga, latar yang digambarkan Othman dalam cerpennya juga berupa latar yang biasa kita kenali. Misalnya di rumah, di hospital, dalam hutan dan sebagainya.

Keempat, perkara atau isu atau persoalan yang disentuh Othman ialah hal-hal yang biasa kita ketahui. Hal-hal ini pernah terjadi dalam masyarakat. Hal-hal itu pernah kita dengar, lihat atau alami sendiri.

Dalam Bab 3, sudah dinyatakan bahawa cerpen-cerpen Othman berunsur realisme. Maka itu, kita membuat kesimpulan di sini bahawa cerpen berunsur realisme ditambah dengan empat sifat yang di atas, menjadikan cerpen itu bersifat konvensional.

Cerpen konvensional cenderung untuk meneruskan kesinambungan yang wujud dalam dunia sastera. Juga, terus memantapkan apa yang ada atau melanjutkan tradisi.

BAB
5

# Memantau Kesarjanaan

## Membina Konsep

Othman Puteh sudah menjadi seorang sarjana dalam bidang kesusasteraan Melayu moden. Othman berpendapat sebagai seorang sarjana harus membina sendiri pemikiran yang khusus dalam bidang kesarjanaannya. Othman memikirkan suatu konsep yang baru yang belum diterokai oleh sarjana lain. Dia akan menjadi pakar yang berwibawa dalam bidang yang dipilihnya itu.



Othman Puteh menerima ijazah Sarjana Muda Persuratan daripada Pro-Canselor UKM, 1977.



Othman Puteh menerima ijazah Sarjana Sastera daripada Pro-Canselor UKM, 1981.

Dalam hal ini Othman membina pemikirannya sendiri dalam dua perkara. Pertama, dia memantau sastera remaja. Kedua, dia membuat deviasi atau penyimpangan dalam berkarya. Kedua-duanya akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab yang berikut.

*Jiwa seorang penulis memang penuh dengan sensitiviti. Golongan seperti ini memerlukan daya tafsir dan penghayatan. Sekiranya seorang penulis tidak memiliki sensitiviti, bagaimana dia boleh memecahkan kebuntuan untuk menghasilkan karya tinggi dan bermutu. Jiwa penulis harus peka kerana jiwa mereka ibarat lanskap yang akan melengkapkan taman.*

Othman Puteh

## Sarjana itu pemikir

Menerusi pengalaman Othman menjadi guru, dia mendapati bahan bacaan sastera untuk golongan pelajar menengah amat kurang. Ini suatu kerugian kepada sistem pendidikan negara. Bahan sastera merupakan wahana yang baik bagi menanamkan nilai murni dan nilai moral yang unggul kepada para pelajar.

Othman juga berpendapat bahawa persoalan yang ada dalam karya sastera kanak-kanak dan remaja kurang beragam. Kebanyakannya soal kekeluargaan dan hanya sedikit soal petualangan. Maka itu, Othman berpendapat bahawa suatu

konsep sastera remaja harus diwujudkan dan karya untuk golongan ini mestilah mempunyai persoalan yang beragam. Semua persoalan ini disesuaikan dengan psikologi golongan berkenaan.

Bagaimanapun, sifat semula jadi golongan remaja memang suka akan kisah pertualangan ini. Kerana kisah petualangan ini dapat memenuhi naluri remaja yang sentiasa ingin tahu, meneroka tempat baru dan aksi watak yang bergerak pantas. Maka itu, kisah petualangan sesuai untuk golongan ini.



Othman Puteh sejurus setelah menerima ijazah Doktor Falsafah, di UKM, 1992.



Othman Puteh bersama Clark Blaise, Pengarah International Writing Program (IWP), Universiti Iowa, Amerika Syarikat (1997).



Othman Puteh bersama Peter Nazareth, Pensyarah International Writing Program (IWP), Universiti Iowa, Amerika Syarikat (1996).

## Menghasilkan karya untuk remaja

Bertolak daripada masalah yang ada, iaitu kekurangan bahan bacaan sastera untuk golongan remaja, maka Othman bertindak. Dia menulis cerpen dan novel remaja untuk memenuhi tuntutan ini.

Novel pertamanya *Rahsia Hutan Dara* dikarang pada tahun 1974. Antara novelnya yang terpenting ialah *Dalam Arus Kota Raya* (DBP, 1978), *Sepuluh Tahun Api Membara* (K. Publishing 1986), *Mercup di Wajahnya* (Marliwis Publisher 1990), *Pahlawan Bumi Adat* (DBP 1979) dan *Terminal Tiga* (DBP 1997).

***Othman sudah menghasilkan 50 buah novel kanak-kanak dan remaja. Cerpen untuk golongan ini sebanyak 62 buah (36 cerpen remaja dan 26 cerpen kanak-kanak).***





Othman Puteh (tanda x) sedang membentangkan kertas kerja dalam Konvensyen Sastera Kanak-Kanak Asia, di Taipei, Taiwan (1999).

Memandangkan Othman mempunyai tugas dan banyak terlibat dalam aktiviti yang lain, maka jumlah karya yang agak banyak itu membuktikan bahawa Othman seorang penulis yang prolifik. Inilah satu keistimewaan Othman dalam bidang ini. Ini semua kerana kesedarannya seperti yang disebutkan tadi. Lebih daripada itu Othman percaya bahawa golongan remaja juga berhak menikmati hasil kesusasteraan berdasarkan cita rasa mereka.

*"Pengalaman sebagai pendidik selama hampir satu dekad menyedarkan saya betapa kurangnya bahan sastera kanak-kanak dan remaja. Khalayak peringkat usia 9-18 tahun ini memiliki keupayaan dan stamina luar biasa dalam pembacaan. Akan tetapi bahan atau karya yang baik, terpilih dan bermutu ternyata kurang mencukupi bagi mengisi pertumbuhan mental, fizikal, emosi dan sahsiah mereka."*

Othman Puteh



Othman Puteh (tanda x) semasa sidang akhbar di Bangkok (1998).

## Pelik tetapi benar

Menulis bukan suatu tugas yang mudah, yang boleh dibuat sambil lewa. Untuk menghasilkan sesebuah karya memerlukan kesungguhan, minat dan ketajaman fikiran. Bagi Othman, mencari masa yang sesuai untuk berkarya juga penting. Ini kerana lain orang lain suasana yang membolehkan mereka berkarya. Ada yang perlukan masa tenang dan sunyi dan ada pula yang sebaliknya, iaitu dalam suasana hiruk-pikuk dan sebagainya.

Bagi Othman, idea untuk menulis akan muncul pada bila-bila masa dalam apa juga keadaan. Semasa bekerja, berjalan, makan, memandu, berbual atau segala macam situasi. Idea itu tercetus hasil daripada sesuatu peristiwa atau kejadian yang mencuit rasa yang memungkinkan dirakamkan dalam karya. Idea ini terlebih dahulu melalui proses pemendapan dalam minda.

Othman selalunya memilih waktu malam untuk menulis kerana adanya unsur ketenangan.



Perpustakaan Othman Puteh di rumahnya.

Kebiasaannya dia akan menulis dari pukul 8:00 hingga 11:00 malam. Sekiranya terlalu letih dia akan tidur terlebih dahulu, dan bangun untuk menulis dari pukul 11:00 malam hingga pukul 3:00 pagi.

Sekiranya Othman tidur terlebih dahulu, keluarganya memahami keadaan ini. Tidak dibenarkan sesiapa mengganggu. Sebarang panggilan telefon tidak akan disampaikan kepada Othman kecuali panggilan kecemasan. Begitu juga tatkala Othman menulis di dalam bilik bacaannya, tiada gangguan daripada keluarga. Maka itu, dia dapat menulis dari tiga jam hingga lima jam sehari. Jadi, dalam masa 12 hari dia dapat menghasilkan sebuah novel setebal 100-120 halaman.

Othman percaya setiap penulis mempunyai identiti sendiri, iaitu cara yang serasi dengan dirinya untuk berkarya. Cara seseorang berkarya tidak sama dengan seseorang yang lain. Akan tetapi yang sama ialah kerja kuat dan usaha yang berterusan.



Othman Puteh semasa di Iowa, Amerika Syarikat (1996)

*Dari segi pembelian bahan bacaan, Othman membelanjakan purata RM700 sebulan untuk membeli bahan bacaan seperti buku dan majalah. Malah, dia pernah membelanjakan RM7,000 dalam masa tiga bulan ketika mengikuti International Writing Program di Universiti Iowa, Amerika Syarikat suatu ketika dulu.*



Othman Puteh bersantai dengan keluarga sambil menonton televisyen.

***Pengarang sebagai insan kreatif harus sentiasa melaksanakan sesuatu yang terbaik. Pengarang harus mendahului zamannya. Mereka adalah perintis – orang yang berusaha membuat pembaharuan dalam karya yang dihasilkannya ... kreativiti itu sentiasa diasosiasikan dengan pembaharuan.***

Justeru itu, tiada istilah malas dalam kamus hidup Othman. Dia memegang falsafah China "malas itu suatu dosa". Maka itu dia menolak unsur yang memungkinkan datangnya sifat malas. Umpamanya asyik menonton tv, dapat menjadikan seseorang itu bermalas-malasan dan memandulkan daya kreatif seseorang.

Ini tidak pula bermakna Othman memusuhi tv. Dia akan memilih rancangan yang diminatinya sahaja. Berita, sudah pasti. Selain itu, Othman menggemari filem-filem P. Ramlee dan Hindustani atau Bollywood. Semasa menonton inilah Othman bersantai sambil berkumpul dan bermesra dengan ahli keluarganya.

## Fikiran ke arah pembaharuan

Dalam Bab 4, dinyatakan bahawa cerpen Othman Puteh bersifat konvensional. Ini bererti karyanya membawa unsur realisme dengan teknik penulisan yang lazim digunakan oleh pengarang lain.

Apakah pembaharuan yang dibawa oleh Othman? Kita akan bincangkan dalam bab yang berikutnya.



Jabatan Persuratan Melayu adalah salah satu jabatan di bawah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan di UKM, Bangi.

## Sepagi di kampus

Othman Puteh melangkah panjang (langkahnya memang panjang kerana ketinggiannya 5 kaki 11 inci atau 1.8 meter) ke pejabatnya di tingkat lima, bangunan Blok B, UKM, Bangi. Dari jauh dia sudah tersenyum melihat beberapa orang mahasiswa berdiri di sana sini berhampiran pintu pejabatnya.

Othman disapa dengan ucapan "Assalamualaikum!" oleh mahasiswa itu. Sebaik Othman membuka pintu biliknya, dia mempersilakan mereka masuk. Othman mempelawa mereka duduk tetapi sayangnya kerusi tidak mencukupi, sebahagiannya duduk dan yang lain terpaksa berdiri.

Di belakang, di kiri, di kanan dan di depan meja Othman tersusun almari yang penuh dengan buku. Selain buku terdapat pelbagai bahan cenderamata yang beraneka jenis rupa dan bentuk.

Pelbagai hal yang diajukan oleh mahasiswa itu. Soal tutorial, tugasan, kuliah, perbincangan tentang subjek dan sebagainya. Telefon kerap berdering dan Othman akan menjawabnya. Daripada jawapannya jelas yang Othman ditanya



Biasanya, awal pagi lagi Othman Puteh telah tiba di kampus memulakan tugasnya.

tentang esei atau artikel untuk majalah tertentu, kata pengantar tentang buku, bengkel penulisan, ceramah dan forum serta mesyuarat jabatan dan jawatankuasa pelbagai bidang di luar kampus.

Mahasiswa yang sudah berurusan akan keluar, yang baru datang terus masuk. Seterusnya, Othman berbincang pula mengenai latihan ilmiah pelajar-pelajar sarjana mudanya dan tesis calon-calon sarjananya. Sejurus kemudian dia terpaksa pergi pula untuk memenuhi jadual kuliah atau tutorialnya.

Begitulah Othman, saban hari sentiasa sibuk dengan tugasnya. Tidak menang tangan dibuatnya. Dia bersyukur kerana sentiasa sihat untuk menunaikan semua kerjanya itu sehingga selesai.

*"Di universiti saya semakin berkesempatan dan terdedah secara horizontal dan vertikal dalam dunia penulisan, dengan multi teori, kaedah menulis, di samping terus menafsiri kehidupan di kota kosmopolitan Kuala Lumpur."*

Othman Puteh.



Othman Puteh melangkah ke pejabatnya di paras 5.

## Penyelidikan sastera

Semasa membuat latihan ilmiah untuk memenuhi syarat Sarjana Muda Persuratan, Othman Puteh membuat penyelidikan tentang novel karya Putu Wijaya. Putu Wijaya seorang penulis Indonesia yang terkenal. Judul latihan ilmiah Othman ialah "Novel-novel Putu Wijaya: Satu Analisa Teknik". Selain itu Othman juga banyak membaca novel Iwan Simatupang.

Novel-novel Putu Wijaya dan Iwan Simatupang tidak lagi berbentuk konvensional. Novel-novel mereka tidak juga bersifat realisme. Mereka membuat eksperimen dengan teknik dan persoalan yang menyimpang daripada kelaziman.

Dalam penyediaan tesis Sarjana Sastera, Othman membuat penyelidikan tentang *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Untuk keperluan ijazah Doktor Falsafah pula, Othman membuat penyelidikan berjudul *Langgam Penceritaan Cerpen Melayu*. Hasil penyelidikan ini membolehkan Othman menjadi pakar yang berwibawa dalam bidangnya, dan menjadi pakar rujuk sekali gus. Kedua-dua penyelidikan ini sudah diterbitkan.








## Karya dalam pelbagai bidang

Sebagai seorang sarjana, Othman Puteh telah menghasilkan pelbagai bahan penerbitan hasil daripada penyelidikan dan pemikirannya.

### Kajian

1. *Novel-novel Putu Widjaya: Satu Analisa Teknik.*
2. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur,* (1983, 1994).
3. *Langgam Penceritaan Cerpen Melayu,* (1994, 1996).

### Esei/Kritikan

1. *Pengisian Dunia Sastera,* (1995, 2000).
2. *Sastera Remaja Ditinjau daripada Beberapa Perspektif,* (1989).
3. *Tanggapan Terhadap Kesusasteraan Remaja,* (1998).




Antara lain karya Othman Puteh dan karya selenggaraannya.

## Novel

1. *Munajat di Perkebunan*, 1990.
2. *Kalut*, 1997.




## Kumpulan Cerpen Persendirian

1. *Dunia Belum Berakhir*, 1980.
2. *Jabar Anak Nelayan*, 1981.
3. *Datangnya Macam Malaikat*, 1982.
4. *Matra, Tasik dan Laut*, 1984.
5. *Ario*, 1988.
6. *Sang Pengembara*, 1997.
7. *Jerung Darat dan Cerpen-cerpen Lain*, 1998.




## Buku Panduan Penulisan Kreatif

1. *Persediaan Menulis Cerpen*, (1988, 1991, 1998, 2000).
2. *Persediaan Menulis Novel*, (1992, 2000).
3. *Penulisan Cerpen: Visi dan Langgam*, (1993, 1999).
4. *Landas Kreativiti: Penulisan cerpen*, 1977.
5. *Penulisan Cereka Novel*, 1999.
6. *Penulisan Cerpen: Daripada Konvensi ke Inovasi*, 2001.
7. *Penulisan Kreatif: Teori Pengalaman dan Cabaran*, 2001.

## Buku-buku selenggaraan Othman Puteh

1. *Suatu Subuh yang Bening*, 1983 (bersama Ramli Isin)
2. *Riak dan Gelombang Sastera Melayu: Kumpulan Esei dan Kritikan Ramli Isin*, 1984
3. *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*, 1984 (bersama Abdul Ahmad)
4. *Dongeng Merdeka, 1985* (bersama Ramli Isin)
5. *Alun Menggulung Perlahan*, 1986
6. *Berkenalan dengan Cerpen*, 1988 (bersama Ramli Isin)
7. *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia ke-2* 1988
8. *Angsana Bertemu Musim*, 1989
9. *Bagai Camar di Lautan*, 1990
10. *Bintang di Langit Lain*, 1990 (bersama Zam Ismail)
11. *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja*, 1991

11\. *Antara Dua Hati*, 1992

13. *Begini Rupanya*, 1993 (bersama Rahman Shaari)
14. *Hati Muda Bulan Muda Kumpulan Cerpen Sasterawan Negara A. Samad Said 1954-1992*, (1993).
15. *Mimpi Resah*, 1994
16. *Angin Pagi*, 1994
17. *Hikmah: Antologi Cerpen Penulis Wanita Sabah*, 1995
18. *Guruh*, 1995
19. *Pagar Bukan Penjara Kumpulan Cerpen 1947-1968 Hamzah Hussin*, 1996.
20. *Di Luar Dugaan;Kumpulan Cerpen 1948–1997 Masuri S.N., 1999.*






BAB
6

# Bermulanya Sastera Remaja

Sebelum tahun 1984, tidak ada istilah sastera remaja dalam sastera tanah air. Yang ada ialah sastera kanak-kanak. Cerpen dan novel yang dihasilkan pada masa itu untuk murid sekolah dikaitkan dengan kanak-kanak.

Pada tahun 1984, barulah usaha pengasingan antara sastera kanak-kanak dan remaja dilakukan. Ini berikutan dengan tertubuhnya Unit Penerbitan Buku Remaja di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada peringkat ini belum ada lagi pengertian golongan remaja dan apakah buku yang sesuai untuk mereka.

Maka itu, Othman Puteh mengambil langkah untuk membuat pengertian tentang sastera remaja, di samping mengenal pasti kelompok golongan tersebut. Memastikan bahan yang sesuai untuk mereka dan merumuskan bidang-bidang yang perlu diteroka untuk mereka.




## Siapakah golongan remaja?

Menurut Othman Puteh, ahli psikologi Barat umumnya mengelompokkan golongan remaja kepada lima kelompok:

1. Peringkat pueral (13-14 tahun)
2. Peringkat prapuberti (14-15 tahun)
3. Peringkat puberti (15-18 tahun)
4. Peringkat remaja (18-21 tahun)

Manakala, ahli psikologi Indonesia pula membataskan remaja itu pada peringkat umur 13-20 tahun. Ada juga yang mengatakan sehingga umur 24 tahun.

Di negara kita, konsep remaja yang diajukan oleh Abdul Ahmad ialah dalam lingkungan usia 13-20 tahun.

Pada kesimpulannya, Othman berpendapat, remaja ialah insan yang berada dalam lingkungan usia 13-20 tahun. Golongan ini dapat pula dibahagikan kepada tiga peringkat:

1. Awal remaja (13-15 tahun)
2. Pertengahan remaja (16-18 tahun)
3. Akhir remaja (19-20 tahun)

Para sarjana umumnya bersetuju dengan pendapat Othman ini. Dengan demikian, pendapat ini dianggap sah dan boleh diterima pakai.

## Apakah sastera remaja?

Sastera remaja hendaklah mempunyai sifat mengajar. Ini bermaksud menebar dan menanamkan nilai murni yang berkaitan dengan keimanan, nilai kemanusiaan, tanggungjawab, cinta kepada diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan tanah air.

Pendek kata, Othman mengatakan bahawa sastera remaja itu haruslah berbobot. Karya itu harus murni dari segala sisi. Mempunyai unsur

***Othman Puteh menggariskan bahawa sastera remaja itu ialah karya yang berupaya memberikan pendidikan dan hiburan kepada golongan remaja. Maka itu sastera jenis ini harus mempunyai upaya mengasah dan mengasuh kecerdasan penghayatan nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan keperluan kehidupan.***



kemanusiaan, nilai ketakwaan, cenderung ke arah kebijaksanaan, mempunyai wawasan dan perspektif yang jelas, positif dan ceria. Sastera remaja tidak harus memaparkan bayangan perlakuan tidak bermoral, seks, pesimis, menyerah, fatal, keganasan, dan segala macam perilaku yang bertentangan dengan norma masyarakat dan agama.

Untuk lebih lanjut pemahaman anda, anda boleh merujuk kepada teks "Menelusuri Takrif dan Konsep Sastera Remaja" dalam buku Othman Puteh berjudul *Tanggapan Terhadap Kesusasteraan Remaja* (DBP, 1998).

***Mesej sastera remaja harus jelas. Paling tidak bersifat informatif, iaitu mempunyai pengenalan diri dan persekitaran. Juga turut memperkaya pengalaman dan pengetahuan serta membangkitkan daya cipta.***

## Menolak tawaran

Othman Puteh pernah ditawarkan menulis novel yang bersifat erotik. Bayaran untuk menulis novel jenis ini memang lumayan. Akan tetapi Othman menolak kerana kegiatan seperti ini mencemarkan amanah dan tanggungjawabnya sebagai penulis.

Selain itu Othman juga tidak berminat dalam penulisan cerita hantu. Cerita hantu dan tahyul



memang laris di pasaran. Othman bimbang akan melencongkan akidah pembacanya. Dia juga bimbang akan tersalah tafsir dalam persoalan seperti ini.

Ini semuanya berlaku setelah Othman membuat pendirian tentang sastera remaja. Othman sudah menggariskan siapakah golongan remaja itu dan apakah bahan bacaan yang sesuai untuk mereka. Othman mahu bahan bacaan untuk golongan ini menjadi wahana yang dapat membina personiliti remaja. Personaliti yang lengkap dengan segala keperluan mental, rohani dan jasmani.

> *"Saya rasa bertanggungjawab untuk memberikan satu alternatif kepada remaja membentuk sahsiah dan nilai akhlak mereka. Walaupun sasaran pembaca saya adalah golongan remaja, namun saya tidak menekankan aspek cinta atau isu popular untuk mengisi bahan karya saya. Ia lebih bersifat keharmonian dan tanggungjawab remaja terhadap sesuatu perkara yang boleh dinilai secara baik. Watak-watak dalam cerpen atau novel saya inilah yang akan mewakili golongan remaja agar mereka juga berupaya menjadi remaja yang benar-benar cemerlang dari segala segi."*
>
> Othman Puteh

## Cerita pengembaraan

Para remaja suka akan cerita berbentuk petualangan atau *adventure*. Othman Puteh mula menulis novel untuk golongan ini dengan kisah *adventure* ini. Novel itu ialah *Rahsia Hutan Dara* pada tahun 1974. Kemudian, diikuti dengan novel *Jejak-jejak di Pantai* (1976). Selepas itu novel *Pangkalan Meriam Patah* (1976) dan *Villa Kepala Harimau* (1977).

Novel jenis ini popular pada tahun 70-an. Penulis lain seperti A. Samad Said, Amran Sani dan Matlob juga menulis dalam kisah yang sama.

Watak-watak dalam novel Othman akan muncul dalam novel seterusnya. Watak Hilmi, Selvarajah, Lim See Yong dan Janet Lim muncul dalam tiga novel yang disebutkan di atas. Ini tentu menarik kerana ceritanya berkembang dan tempatnya berubah-ubah.

Watak-watak dalam cerita petualangan ini akan berhadapan dengan pelbagai masalah. Mereka akan tabah menghadapi masalah itu dan berusaha menyelesaikannya. Ini akan membentuk sikap remaja supaya cergas berfikir, gigih, tabah dan mempunyai semangat yang tinggi.

## Jenis karya sastera remaja

Menurut Othman, penulis selalu menggarap persoalan seperti yang berikut:

- persahabatan
- cinta
- pengembaraan/penyiasatan
- kekeluargaan
- sejarah
- muhibah, dan
- cereka sains

Maka itu, para penulis perlu pula meneroka persoalan baru. Antara persoalan yang belum banyak diterokai ialah:

- agama
- alam ghaib
- kerjaya
- fantasi
- alam sekitar
- misteri
- kisah benar
- autobiografi
- biografi
- futuristik

Ada 12 persoalan lagi yang disenaraikan oleh Othman. Anda boleh merujuknya dalam buku Othman Puteh berjudul *Tanggapan Terhadap Kesusasteraan Remaja*, halaman 83.

Senarai ini akan membuka minda penulis untuk cuba berkarya dalam bidang yang belum ditulis. Dengan demikian, pembaca remaja akan memperoleh bahan bacaan yang kaya dan beraneka.

***Othman Puteh menggesa para penulis agar meluaskan skop penulisan untuk remaja. Tidak terhad kepada soal petualangan, kekeluargaan, persekolahan dan mengejar cita-cita sahaja. Menurut Othman para penulis perlu menampilkan persoalan baru dan lokasi baru dengan pelbagai pengalaman dan pengetahuan baru.***

## Mengorak langkah

Othman Puteh tidak bercakap sahaja tentang meneroka persoalan baru ini. Othman juga turut berbuat demikian. Pada tahun-tahun 80-an, Othman menulis novel kekeluargaan. Antara novel Othman dalam bentuk ini ialah *Dalam Arus Kota Raya, Mercup di Wajahnya, Bukan Suatu Impian* dan *Sejak Kami Ditinggalkan*.



Sebahagian daripada karya remaja yang dihasilkan oleh Othman Puteh.

Novel ini dihasilkan berdasarkan pengalaman Othman sendiri. Hal kemiskinan dipaparkan dalam bentuk yang mengesankan. Unsur ini bukan berbentuk negatif tetapi menyumbang ke arah kejayaan, di samping memberikan motivasi kepada pembaca.

Kemudian, Othman mengorak langkah lagi. Kali ini bercerita dalam kisah fiksyen sains. Novel Othman dalam kategori ini ialah *Terjebak di Terowong Katak*, *Gadis Angkasa* dan *Utusan Planet Hijau*.

Novel bentuk ini mengayakan daya fantasi pembaca. Di samping itu mengundang pembaca memikirkan realiti sains dan teknologi yang merupakan tuntutan zaman moden. Bahkan juga soal kemanusiaan, pengorbanan dan implikasi kemajuan sains terhadap kehidupan manusia.

Untuk menanamkan semangat patriotik kepada pembaca, Othman mengarang novel sejarah. Cerita ini benar-benar wujud. Fakta sejarahnya dikekalkan dan diolah kembali dengan daya imaginasi dan kreativiti Othman. Antara



novelnya ialah *Pahlawan Bumi Adat*, *Pejuang Muda*, *Tun Fatimah* dan *Jika Bukan Kita*.

Othman juga menulis novel berunsur seram berjudul *Sesudah Senja*. Novel ini tidaklah seram melulu tetapi berbentuk penyiasatan. Mesej sebenarnya untuk menekankan sikap berani menyiasat sesuatu perkara. Setelah membuat siasatan barulah kesimpulan diambil.

Sebelum ini disebut bahawa novel *Sejak Kami Ditinggalkan* membawa persoalan kekeluargaan. Akan tetapi novel ini juga dapat digolongkan dalam novel autobiografi. Ini kerana kisah dalam novel ini adalah riwayat hidup Othman semasa kecil. Begitu juga novel Othman yang berjudul *Bukan Satu Impian*. Kedua-dua



***Setiap tahun sejak tahun 1987, Othman Puteh salah seorang yang menjadi pembimbing MPR. Othman dipilih setiap tahun kerana iltizamnya kepada sastera remaja ini. Othman yang berilmu dan dapat menyampaikan ilmunya kepada golongan remaja.***



Othman Puteh sedang membimbing peserta Bengkel Penulisan Novel Remaja (1998) di Brunei Darussalam.

novel ini menekankan kehidupan peribadi atau pengalaman dalaman pengarangnya sendiri sewaktu belajar di sekolah rendah dan menengah.

## Minggu penulis remaja

Aktiviti Minggu Penulis Remaja(MPR) pertama kali diadakan oleh DBP pada tahun 1985. Setiap tahun DBP menjemput kira-kira 30 orang penulis remaja berkumpul di DBP.

Mereka dipilih daripada sekian banyak penulis remaja yang menulis dalam *Dewan Siswa*. Mereka yang berbakat dan berpotensi untuk maju, diundang oleh DBP untuk mengikuti bengkel ini. Selama seminggu mereka menghadiri bengkel penulisan cerpen dan puisi. Sejak MPR diwujudkan berterusan sehingga kini, Othman adalah salah seorang pembimbing tetap bengkel ini.

Sudah tentu sumbangan Othman Puteh dalam pembinaan bakat mereka tidak dapat dinafikan. Ini kerana hubungan Othman dengan "anak muridnya" ini tidak berakhir setakat seminggu berbengkel. Hubungan mereka intim dan berterusan untuk memajukan diri sehingga mereka berjaya.

***Banyak antara ahli MPR ini menjadi penulis yang ternama. Antaranya Zaen Kasturi, Hizairi Othman, Uthaya Sankar SB, Nisah Haji Haron, Lily Haslinda Nasir, Zarihah Hassan, Tuan Faridah Syed Abdullah, Ranofla Dianti Irwan, Rahimidin Zahari dan banyak lagi.***




Rahman Shaari, Tuan Haji Hamdan Yahya (Pengarah Jabatan Sastera, DBP) dan Othman Puteh.



Abdul Ahmad, Hamzah Hamdani dan Othman Puteh.

## Sastera remaja kini

Othman Puteh sering menyuarakan konsep sastera remaja ini dalam seminar, diskusi, forum dan rencana-rencana dalam majalah dan akhbar. Othman juga melibatkan diri dalam bengkel penulisan, khusus untuk golongan remaja. Maka itu konsep sastera remaja dikenali umum dan diterima oleh khalayak. Sekarang, sastera remaja telah mantap wujud dalam sastera kebangsaan.

Kerajaan telah mengiktiraf sastera kanak-kanak dan remaja. Buku-buku bacaan tambahan dan buku teks untuk sekolah menengah kini terdapat buku-buku untuk remaja. Kata Othman, "Pengalaman dalam perjuangan mengangkat martabat sastera kanak-kanak dan remaja ini tidak sia-sia, dan kini wujud dua petanda positif dalam hayat kesusasteraan itu.

Pertama, terbentuknya Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (PURNAMA) di DBP.

Kedua, bermula pada tahun 1996-1997 karya sastera kanak-kanak dan remaja dalam genre puisi, cerpen, novel, dan drama dinilai untuk diberikan Hadiah Sastera Perdana Malaysia."

Perjuangan untuk memantapkan sastera remaja ini dipelopori oleh Othman. Othman tidak



Othman Puteh sedang membimbing peserta MPR 2000, di Sabah.




Putri Al-Inshirah, salah seorang peserta MPR (1991) mempengerusikan majlis dialog bersama Othman Puteh.

jemu-jemu memasyarakatkan sastera genre ini sehingga nama Othman Puteh sinonim dengan sastera remaja. Othman pakar dan menjadi pakar rujuk bidang ini.

Kata Othman, "Pensinoniman ini mungkin wajar berdasarkan komitmen saya yang drastik, langsung dan telus. Apatah lagi apabila dikaitkan dengan bengkel, ceramah, bimbingan dan sebagai pakar rujuk di Unit Buku Remaja DBP."



Othman Puteh menerima cenderamata sebagai panel Hadiah Sastera Siswa-Bank Rakyat 1997.

BAB 7

# Konvensi dan Inovasi dalam Penulisan

Dalam bab-bab yang lalu telah diterangkan bahawa cerpen-cerpen Othman Puteh bercorak konvensional. Sifat-sifat karya konvensional ini juga telah diterangkan.

Ada 41 buah cerpen Othman yang bercorak konvensional. Cerpen ini sudah diterbitkan dalam buku berjudul *Jerung Darat dan Cerpen-cerpen Lain* diterbitkan oleh Fajar Bakti pada tahun 1998. Semua cerpen ini dihasilkan oleh Othman sejak tahun 1963-1973.




Lima daripada cerpen Othman Puteh yang dihasilkan pada tahun1963–73:
"Jerung Laut, Jerung Darat", *Gema Dunia*, Mac 1964.
"Pengakuan", *Gema Dunia*, Mei 1964.
"Sebuah Lori dan Pesta Kahwin", *Utusan Zaman*, 21 Disember 1969.
"Sudah Dapat Bagai di Hati", *Berita Harian*, 7 Januari 1965.
"Pulang Kampung Tumpang Lori", *Berita Harian*,1 April 1965.

Menurut Othman, konvensi dalam penciptaan bermakna gaya penyajian cerita mengikut yang lazim dilakukan. Teknik penceritaannya diterima umum dan akan terus dimanfaatkan dari semasa ke semasa. Sesebuah cereka novel atau cerpen mempunyai aspek luaran dan aspek dalaman. Kedua-dua aspek ini boleh menentukan yang sesebuah karya itu konvensional atau tidak.

Aspek luaran biasanya berkait dengan gagasan utama sesebuah karya itu dan meliputi pemikiran yang hendak disampaikan oleh pengarang. Pemikiran atau gagasan pengarang yang konvensional ialah pemikiran dan gagasan yang diterima umum. Persoalan yang dikemukakannya sudah biasa diceritakan sejak zaman berzaman.

Dari aspek dalaman pula, Othman menggariskan ada lima unsur yang menentukan kekonvensionalan sesebuah karya. Aspek dalaman inilah menjadi aspek yang penting.

Berbicara mengenai sastera, bermakna sekali gus kita berbicara perihal manusia dan keinsanan



Di sinilah terhimpunnya sebahagian daripada karya Othman Puteh yang konvensional dan yang lainnya.

– insan luaran dan insan dalaman yang kedua-duanya saling berfungsi dan melengkapi.

Insan luaran dan insan dalaman itu saling berkonflik, ingin menyatakan diri peribadi; dan menyerlahkan tindak juang terhadap kehidupan dan fenomena persekitarannya.

***Plot yang konvensional ialah hubungan peristiwa-peristiwanya berdasarkan hukum sebab dan akibat yang munasabah. Urutan peristiwanya berkembang secara wajar, meyakinkan dan dapat diterima pembaca umum.***

## Konvensi aspek dalaman

Kelima-lima unsur aspek dalaman itu ialah plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa.

Sesebuah karya itu juga dibina menurut struktur yang lazim, iaitu ada permulaan, pertengahan dan pengakhiran.

Sebagai contoh, mari kita lihat cerpen "Menggigil", karya Othman yang tersiar dalam *Mingguan Malaysia*, 15 April 1973. Urutan peristiwa cerpen ini seperti yang berikut:

1. Pada suatu tengah malam, Jamdin terkejut kerana isterinya Tijah sakit perut hendak bersalin.
2. Jamdin tidak percaya Tijah akan beranak kerana tarikhnya belum sampai.
3. Tijah memberitahu tentang kuasa Tuhan. Ini menyebabkan Jamdin menggelabah kerana bidan tidak ada di kampung itu.
4. Jamdin hendak ke Kuala mencari bidan tetapi ditegah oleh Tijah.
5. Tijah dinasihatkan oleh bidan kerajaan supaya bersalin di hospital.
6. Jamdin membawa Tijah ke Kuala dengan perahu dan ditolong oleh anak lelakinya yang tua, Masron.
7. Perahu Jamdin terumbang-ambing kerana sungai bergelora oleh hujan lebat.
8. Sakit Tijah semakin kuat dan nampaknya sudah sampai saat bersalin.
9. Dalam basah kuyup dan menggigil kesejukan

Tijah bersalin. Jamdin yang menyambut anaknya.
10. Di depan sana, Kuala sudah dekat.

Peristiwa 1–10 menunjukan urutan plot yang berkembang mengikut **sebab** dan **akibat**. Peristiwa ke-2 berlaku kerana akibat peristiwa pertama. Inilah yang dikatakan plot konvensional, iaitu mengikut sebab akibat dan inilah yang lazim ada dalam sesebuah cerpen.

Plot terbahagi kepada tiga segmen seperti yang digambarkan dalam rajah 7.1

(i) Gambaran plot secara mendatar




**Rajah 7.1** Binaan plot secara mendatar.

(ii) Gambaran perkembangan plot secara pergerakan menaik




**Rajah 7.2** Binaan plot secara pergerakan menaik.

## Konvensi dalam watak dan perwatakan

Sebagai contoh, mari kita teliti cerpen Othman yang berjudul "Anak Gadis Tuan Haji". Cerpen ini tersiar dalam *Mingguan Malaysia,* 26 Mei 1968.

Watak-watak dalam cerpen ini ialah Tuan Haji Sabarudin, isterinya Puan Hajah, anaknya Rokiah, Cikgu Amri dan Amran. Tuan Haji Sabarudin digambarkan panas baran dan terlalu sensitif dengan agama. Apabila dia mendengar Rokiah pergi menziarahi Cina meninggal, dia marah. Dia mahu mengeluarkan Rokiah dari asrama.

Rokiah pula digambarkan sebagai anak yang patuh tetapi mempunyai pendirian. Setelah dia menjelaskan sikapnya menziarahi si mati sebagai simpati, Rokiah balik semula ke asramanya. Watak Cikgu Amri pula tenang dan sabar seperti seorang guru.

Pendek kata watak-watak dalam cerpen ini adalah manusia biasa. Mereka mempunyai sifat-sifat manusia biasa. Mereka sama seperti manusia biasa yang lain.

***Watak dalam karya sastera Melayu mempunyai sejarah. Dalam sastera klasik watak cerita terdiri daripada putera atau puteri raja. Mereka semua tampan atau cantik jelita. Tidak mempunyai kecacatan. Dalam karya yang terkemudian, watak cerita terdiri daripada manusia biasa. Perwatakan mereka juga sama seperti realiti manusia. Mereka berdarah daging dan mempunyai sifat-sifat manusia. Ada yang sempurna ada yang cacat.***

Othman Puteh

## Konvensi dalam latar

Othman Puteh menyatakan, latar juga mempunyai sejarah. Dalam cerita hikayat, latar cerita selalunya di istana raja atau kayangan. Kemudian, dalam karya yang terkemudian latarnya lebih khusus. Ada latar di desa, di kota, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching, dalam bas, di hospital dan seumpamanya.

Semuanya ini latar konvensional yang biasa dan diterima umum. Sebagai contoh, kita lihat dua buah cerpen Othman yang telah disebutkan di atas. Cerpen "Menggigil" mengambil latar di rumah dan kemudian dalam perahu di sungai. Cerpen "Anak Gadis Tuan Haji" berlatarkan rumah Tuan Haji, dalam kereta, di tepi pagar asrama dan di rumah Cikgu Amri.

Semua latar ini boleh kita kenali dan bayangkan keadaannya.

## Konvensi dalam gaya bahasa

Konvensi dalam gaya bahasa dapat diteliti melalui pemakaian diksi, pembinaan ayat, penggunaan bahasa kiasan dan nada cerita. Sekiranya pengarang mengungkapkan unsur tersebut secara meneruskan tradisi, maka itu adalah pengucapan konvensional. Pengarang masih setia dengan pola yang biasa digunakan dalam masyarakat.

Sebagai contoh, mari kita lihat gaya bahasa cerpen Othman yang memperlihatkan unsur konvensional ini. Kita rujuk kepada cerpennya "Anak Daerah Pedalaman". Perhatikan petikan ini:

> *Mentari musim kemarau memancar dengan galaknya. Panas terik berbaur dengan bahang tanah yang baru lepas dibakar sungguh perit dan memijar. Tambahan pula angin tidak bertiup langsung. Sesungguhnya cuaca hari itu amat panas.*

Perhatikan pula dialog ini:

*"Kalau otaknya memang tak baik, majal, buat apa disuruh juga dia belajar lagi? Buang duit saja!"*

*"Tak boleh telan bulat-bulat cakap awak ni, Pah. Aku mahu dia sekolah lagi. Lagipun aku perhatikan Saleh tu ada kemahuan keras nak belajar."*

*"Ah, mula-mula saja tu. Tapi yalah, kalau awak dah kata ya, saya mengikut saja."*

*"Ngikut gitu saja pun tak guna juga."*

*"Macam mana lagi yang awak mahu?"*

*"Awak mesti sama-sama ambil berat, Pah. Tak sempurna kalau dengan cakap saja. Awak mesti sanggup kerja kuat. Mesti bantu aku."*

(Cerpen: "Wasiat Seorang Suami")

> ***"Bercakap mengenai kreativiti, pengarang kreatif harus segera menerobosi dan sewajarnya kerap meruntuhkan tembok konvensi, walaupun tidak mungkin dilaksanakan pada semua unsur atau mekanisme pada suatu waktu, secara serentak. Hal ini dilaksanakan bagi menghindari stereotaip, klise, ditimpa bayangan yang muram, samar dan tidak wujudnya variasi serta tumpulnya kreativiti-imaginasi."***
>
> Othman Puteh

Apabila meneliti dua contoh ini, kita dapat melihat dua contoh cerpen gaya bahasa yang konvensional itu. Gaya bahasanya menggambarkan realiti bahasa sehari-hari, yang lazim digunakan. Gaya bahasa ini akan terus digunakan

## Idea pembaharuan

> *"Pengarang sememangnya wajar diberi kelonggaran dalam menentukan kelainan mereka."*
> Othman Puteh

Othman Puteh banyak membaca novel Indonesia. Novel karya Putu Wijaya, Budi Dharma dan Iwan Simatupang begitu menarik bagi Othman. Novel ini agak istimewa kerana menampakkan kelainan daripada novel biasa. Persoalannya luar biasa dan teknik penulisannya juga menarik.

Maka itu Othman ingin menjadi perintis – seperti yang pernah difikirkannya sebelum ini – untuk membuat pembaharuan. Menurut Othman kreativiti itu sentiasa diasosiasikan dengan pembaharuan. Lagipun, karya yang biasa, – iaitu konvensional sudah banyak dicipta.

Menulis dalam bentuk konvensi seperti berada dalam bingkai – rasa terikat. Kurang kebebasan untuk menyatakan maksud dan makna. Gaya bahasanya yang itu-itu sahaja. Persoalannya juga yang itu-itu juga. Tidak menyerlahkan kelainan atau perbezaan sama sekali.

## Membuat deviasi

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, Othman Puteh amat ingin membuat pembaharuan dalam penulisan karya kreatif. Maka itu Othman membuat deviasi (penyimpangan) terlebih dahulu.

Othman ingin menyimpang dari karya konvensional. Othman hendak membuat percubaan (eksperimen) dalam berkarya. Inilah jalan luas untuk Othman membuat pembaharuan. Othman ingin membuat deviasi dalam beberapa aspek struktur cerpen.

Pertama, aspek pemilihan subjek cerita atau gagasan utama dalam cerpen. Kedua, penyimpangan dalam penampilan watak-watak dalam cerita. Ketiga, penyimpangan dalam plot cerita. Plotnya tidak lagi berdasarkan sebab dan akibat

yang munasabah. Keempat, aspek pemilihan sudut pandangan. Kelima, latarnya tidak lagi khusus, samar-samar serta boleh berlaku di mana-mana. Begitu juga latar waktunya, tidak jelas dan tidak pasti.

Othman mengingatkan kita, tidak semua penyimpangan diterima oleh masyarakat. Maka itu diingatkan bahawa penulis perlu berfikir dan merancang sebelum berbuat sesuatu. Sebaliknya, jika penyimpangan diterima masyarakat, maka jadilah penyimpangan sesuatu yang baru. Penyimpangan memperlihatkan jati diri seseorang penulis. Maka itu penyimpangan menjadi inovasi. Penyimpangan akan menjadi ikutan penulis lain. Penyimpangan juga akan popular.

Jika demikian sitausinya, maka inovasi tadi kembali menjadi konvensi. Oleh itu para penulis perlu membuat penyimpangan lagi. Begitulah proses kehidupan sastera kita, ibarat satu siklus.

## Matra, Tasik dan Laut




*Matra, Tasik dan Laut* ialah kumpulan cerpen Othman Puteh yang dihasilkan pada tahun 1975 hingga 1982. Buku ini mengandungi 11 buah cerpen. Kata Pengantar buku ini ditulis oleh Hamzah Hamdani.

Semua cerpen Othman ini merupakan penyimpangan dari bentuk konvensional. Oleh sebab penyimpangan ini sudah diketahui umum, maka penyimpangan menjadi suatu pembaharuan.

Penyimpangan yang dilakukan oleh Othman ialah seperti yang berikut:

1. Persoalannya tidak mudah difahami kerana persoalan itu merupakan fikiran-fikiran bawah sedar manusia.

2. Persoalan itu juga dinukilkan dalam igau-igau fikiran tidak jelas dipaparkan.
3. Gambaran kehidupan agak aneh dan tidak masuk akal.
4. Watak-wataknya mempunyai nama yang tidak spesifik. Tidak seperti karya konvensional yang menggunakan nama yang biasa seperti Berahim, Sameon dan Mariah. Sebaliknya Othman menggunakan nama seperti Sdr X, Kelasi Muda atau Kepala.
5. Tidak mempunyai plot. Sebaliknya anti plot. Peristiwa-peristiwanya jungkir balik dan tidak logik.

Mari kita perhatikan petikan ini:

> *...Dengan tercunggap-cunggap, dengan sedih menyayat hati, sekali lagi Sdr X cuba bangun. Lantas batuk terbelahak. Namun Sdr X tidak mahu mengalah begitu sahaja. Kembali dijuak pungkis berisi pasir. Tetapi, belum apa-apa lagi, pelipat kaki cedingnya sudah terkedu. Punggung timpusnya terjelau masuk ke liang lahad.*
>
> *...Keparat! Mana ada manusia gali kubur sendiri? Kepala digoyangkan kiri kanan, kanan kiri. Beberapa kali. Suara hilai didengarnya Sayup-sayup.*
>
> (Cerpen: "Saudara X")







Cuba anda bandingkan petikan di atas dengan petikan cerpen "Anak Daerah Pedalaman" sebelum ini. Anda akan nampak penyimpangan yang disebutkan itu.

Cerpen-cerpen Othman yang membawa bentuk yang sama diterbitkan dalam dua buah buku yang lain:

1. *Ario* (DBP, 1988)
2. *Jeneral* (PEB, 1998)




*Dalam* **Munajat di Perkebunan** *Othman membawa suatu persoalan yang aneh. Watak utamanya bernama Sang Pengembara. Hidupnya terumbang-ambing tidak menentu. Dia mengembara menuju kematian.*

## Penghasilan novel

Othman Puteh memantapkan deviasi yang dibuatnya dalam dua buah novelnya:

1. *Munajat di Perkebunan* (DBP 1990)
2. *Kalut* (PFB, 1997)

Peristiwanya tidak logik mengikut plot yang biasa. Kadang-kadang sesuatu peristiwa berlaku dengan tiba-tiba dan aneh pula. Othman juga tidak membuat perincian tentang watak, suasana dan benda.

Mari kita teliti petikan yang berikut:

> *Suatu ketika, Sang Pengembara tersalah langkah lalu tergelincir. Pertimbangan badannya pincang lalu Sang Pengembara tersungkur jatuh, berguling deras dan jungkir balik.*
>
> *Segeralah Sang Pengembara menginsafi kehadiran sang maut di daerah perbukitan kebun itu ... Dan macam dilihatnya tangan sang maut terhulur mahu menyambar sesuatu daripada tubuhnya yang amat dihargai dan juga keselamatannya kini. Akan tetapi begitu Sang Pengembara terhentak ke atas sebatang tubuh lelaki tambun - pemilik daerah perbukitan kebun teh - sang maut segera menarik tangan, lari meninggalkannya. Serentak, dilihatnya sang maut sudah bermukim pada tubuh lelaki tambun itu lalu, seperti lazimnya menerbangkan sesuatu daripadanya.*

Dalam petikan di atas memperlihatkan peristiwa yang aneh dan berlaku secara tiba-tiba itu. Sang Pengembara jatuh lalu menimpa tuan punya kebun teh yang gemuk. Anehnya tuan punya kebun teh itu yang mati. Dalam peristiwa lain Sang Pengembara ini berkahwin dengan janda tuan punya kebun teh ini.

Novel *Kalut* pula berdasarkan cerpen-cerpen Othman yang menyimpang itu. Cerpen itu ialah

"Ario", "Datuk Dom", "Guruh" dan "Datin Sue".

Kemudian, cerpen-cerpen ini diperluaskan dan diserasikan dengan cerpen "Hutan, Monyet dan Pisang", "Arah ke Tanah Besar" dan "Kecamuk". Semua cerpen ini disatukan dengan baik.

Dalam penyesuaian ini Othman menambah peristiwa baru dan watak-watak baru sebagai penghubung. Akhirnya menjadi suatu karya baru yang tersendiri. Dengan dua buah novel ini Othman memantapkan dirinya sebagai penulis yang membuat inovasi dalam jagat sastera kita.




*Kalut* terhasil daripada cerpen-cerpen Othman Puteh yang 'menyimpang'.

BAB 8

# Sarjana yang Berjasa

## Ada di mana-mana

Othman Puteh pernah dilihat di Kota Kinabalu pada sebelah pagi, suatu hari. Anehnya, pada sebelah petangnya dia sudah berada di Kuantan membentangkan kertas kerja. Atau, pada suatu petang Othman masih berada di Singapura, tetapi sebelah malam hari yang sama dia berada di Pulau Pinang memimpin bengkel penulisan. Begitulah, antara lain pusingan aktiviti Othman.

Teman-teman Othman berasa kagum dan aneh dengan 'keligatan' Othman ini. Perhariannya sentiasa penuh dengan temu janji bengkel, forum, ceramah, mesyuarat panel penilai kreatif di samping urusan keluarga di Bandar Baru Bangi dan di kampungnya di Melaka. Dalam keadaan sibuk demikian karyanya tetap terbit.

***Barang siapa yang tidak tahu mendisiplinkan dirinya dan memanfaatkan atau menguruskan masa, akan ketinggalan dalam hidupnya. Bagi Othman, peraturan dan jadual kerja amat penting. Mempunyai peraturan dan jadual kerja yang tersusun menyebabkan sesuatu kerja itu dapat disiapkan dengan tepat. Malahan dengan adanya jadual yang lengkap, kita akan berasa lebih bersemangat untuk menyiapkan sesuatu tugas.***



Arippin Said, Othman Puteh dan Dharmawijaya.




Sale Driss, Dato' Prof. Dr. Hashim Awang, Tan Sri Prof. Emiretus Ismail Hussein dan Othman Puteh dalam majlis Perkampungan Penulis GAPENA, di Sri Aman, Sarawak.




Sasterawan Negara Abdullah Hussain, Saerah Hj. Antin, YB Datuk Sapawi Haji Ahmad, Hj. Hamzah Hamdani dan Othman Puteh.

## Senarai karya

Di bawah ini disenaraikan jumlah karya Othman Puteh mengikut bidang. Jumlah ini setakat bulan Disember 1999.

| Bil. | Jenis Karya | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Buku sekolah rendah/menengah | 80 |
| 2. | Antologi cerpen remaja (Penyelenggaraan) | 62 |
| 3. | Novel remaja | 49 |
| 4. | Antologi cerpen (Penyelenggaraan) | 21 |
| 5. | Novel/cerita kanak-kanak | 20 |
| 6. | Kajian, Esei/Kritikan | 10 |
| 7. | Antologi cerpen kanak-kanak (Penyelenggaraan) | 9 |
| 8. | Kumpulan cerpen | 7 |
| 9. | Antologi Esei/Kritikan (Penyelenggaraan) | 6 |
| 10. | Kumpulan cerpen remaja | 5 |
| 11. | Novel | 2 |
| | **Jumlah** | **271** |

Diringkaskan daripada carta di atas jelas membuktikan Othman seorang sarjana yang prolifik. Selama 40 tahun berkarya dengan sejumlah 270 buku bermakna setiap bulan sebuah buku terbit.



## Karya makalah

Othman juga menulis esei dan rencana dalam majalah dan akhbar di tanah air. Di bawah ini disenaraikan karya Othman dalam sesuatu penerbitan. Penerbitan ini sehingga Disember 1996.

| Bil. | Jenis Makalah | Jumlah Karya |
|---|---|---|
| 1. | *Dewan Sastera* | 47 |
| 2. | *Dewan Masyarakat* | 1 |
| 3. | *Penulis* | 1 |
| 4. | *Utusan Zaman* | 10 |
| 5. | *Berita Harian* | 10 |
| 6. | *Berita Minggu* | 37 |
| 7. | *Watan* | 23 |
| 8. | *Mingguan Malaysia* | 20 |
| 9. | *Sari Buku* | 2 |
| 10. | *Berita Minggu (Singapura)* | 4 |
| 11. | *Resan dan Kesan (Singapura)* | 1 |
| 12. | *Dewan Siswa* | 31 |
| 13. | *Sabah Times* | 1 |
| 14. | *Berita Pelita* | 1 |
| 15. | *Pelita Bahasa* | 1 |
| 16. | *Utusan Sarawak* | 10 |
| 17. | *Bahana (Brunei)* | 1 |
| | **Jumlah** | **181** |

Sementara itu, Othman mempunyai kolum ulasan cerpen *Dewan Siswa* sejak Oktober 1995 hingga sekarang, dan sebagai kolumnis dalam *Dewan Sastera* dan *Pelita Bahasa*.

## Aktiviti sosial

Othman tidak terbatas bergerak dalam kegiatan kesarjanaan dan penulisan sahaja. Othman juga aktif dalam kegiatan kemasyarakatan. Antara lain Othman bergiat dalam:

1. Konvensyen Pendidikan (KONPEN), anjuran Persatuan Suluh Budiman. Othman menjadi setiausaha konvensyen ini sejak tahun 1980-1985.
2. Menjadi Setiausaha dalam Seminar Sehari, anjuran Persatuan Suluh Budiman sejak tahun 1986-1989.
3. Pernah menjadi Setiausaha, Pengerusi, Bendahari, Lembaga Masjid Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, Melaka dari tahun 1970 hingga kini. Dan sekarang menjawat jawatan Naib Pengerusi (2000-2001).
4. Menjadi jawatankuasa Persatuan Suluh Budiman sejak tahun 1980-1992.
5. Jawatankuasa Himpunan Karyawan Malaysia 1990-1991.
6. Pengerusi PIBG, Sekolah Menengah Bandar Baru Bangi, Selangor 1983-1985.
7. Pengerusi Kewangan Sekolah Menengah Bandar Baru Bangi, Selangor sejak 1989-1990.
8. Jawatankuasa Kerja GAPENA 1994 hingga kini.
9. Jawatankuasa Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan 1994 hingga kini.
10. Jawatankuasa Muzium Sastera Melaka (PERZIM).
11. Naib Pengerusi Persatuan Murid Tua, Sek. Keb. Othman Shawal, Kuala Sungai Baru, Melaka sejak 1999 hingga kini.
12. Pengerusi PIBG, Sek. Keb. Othman Shawal, Kuala Sungai Baru, Melaka 1999 hingga kini.

## PERDOP dan Sudut Othman Puteh

Pengalaman Othman sebagai guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah dari tahun 1965 hingga 1978 menjadikannya begitu serius dengan kepentingan membaca buku. Akan tetapi buku yang dimiliki oleh para pelajar tidak membarangsangkan kerana kuasa beli mereka amat lemah dan minat membaca pula amat kurang.

Kekurangan ini menginsafkan Othman, maka itulah dia bertindak untuk menolong mengatasi kekurangan ini sedapat yang mungkin. Banyak sumbangan Othman untuk memperlengkapkan perpustakaan di sekolah pertama tempat dia mula-mula menerima pendidikan, iaitu Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru, Melaka. Sekolah ini sekarang telah berubah wajah dan telah diberi nama baru iaitu Sekolah Kebangsaan Othman Shawal (SKOS). Sempena sumbangan inilah perpustakaan sekolah ini dikenali sebagai Perpustakaan Dr. Othman Puteh atau nama ringkasnya PERDOP. Ini adalah penghargaan Othman kepada alma maternya, dan sekali gus merupakan penghormatan kepada Othman.



Sekolah Kebangsaan Othman Shawal (SKOS).



Perpustakaan Dr. Othman Puteh (PERDOP), Sekolah Kebangsaan Othman Shawal, Kuala Sungai Baru, Melaka.



Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Melaka.




'Sudut Othman Puteh', Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Melaka.

Selain itu, Othman juga menyumbang kepada sekolah tempat dia mula-mula mengajar setelah tamat maktab perguruan. Di perpustakaan Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah pula Othman menyumbang koleksi buku pelbagai jenis yang dikenali sebagai "Sudut Othman Puteh".



Siti Rahmah G. Ibrahim.

## Bapa angkat - anak angkat

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah mempunyai beberapa kegiatan untuk membantu penulis muda mempertajam bakat penulisan kreatif seperti penulisan novel, cerpen dan puisi. Satu daripada kegiatan ini ialah Projek Anak Angkat DBP Cawangan Sabah. Penulis yang berpotensi yang dipilih oleh DBP ini akan diserahkan kepada pembimbing yang berwibawa untuk mengasuh mereka. Pembimbing inilah yang dikenali sebagai "bapa angkat". Tempoh bimbingan ini ialah selama setahun dan kursus secara intensif berlangsung selama seminggu dengan pembimbing. Bimbingan ini menitikberatkan teori, latihan amali dan menghasilkan karya.



Mariam Omar.



Ailin Nor

Othman salah seorang bapa angkat yang dilantik untuk membimbing antara lainnya Siti Rahmah G. Ibrahim (1988 ), Mariam Omar (1988 ), Ailin Nor dan Abd. Bakar Esah (1997 - 1998) dan Jonathan Kandok (1991). Dalam bidang novel pula Othman Puteh telah membimbing Jariah Taha (1996). Dalam bidang esei dan kritikan pula Othman membimbing Denial Jebon Janaun(1995) dan Julia Unggai (1 Jun 1998 - 1 Jun 1999).



Abd. Bakar Esah



Jonathan Kandok

## Bintang kehormatan

Segala jasa dan bakti yang ditaburkan oleh Othman mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Maka itu, pada tahun 2000 Othman telah dianugerahi Bintang Cemerlang Melaka (BCM) oleh Tuan Yang Dipertua Negeri Melaka. Anugerah ini disampaikan sempena sambutan ulang tahun ke-75 kelahiran Tuan Yang Terutama pada 14 Oktober 2000.



Jariah Taha



Denial Jebon Janaun



Julia Unggai



Othman Puteh menerima Bintang Cemerlang Melaka (BCM) daripada Tuan Yang Dipertua Negeri Melaka.

*Mulai 1 Julai 2001 Othman Puteh dilantik menjadi 'Karyaan Tamu', di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.*

## Aktiviti bidang profesional

Sebagai Sarjana dalam bidang kesusasteraan, Othman melibatkan diri dalam profesionnya ini sebagai seorang aktivis. Othman menjadi ahli jawatankuasa universiti dalam sepuluh kegiatan di universiti itu. Antaranya ialah sebagai penyelaras Seminar Jabatan Persuratan Melayu, UKM, menjadi pemeriksa dan pengesah luar kertas sastera, Kementerian Pendidikan, dan sebagainya.

Tenaga Othman juga diperlukan dalam bidang akademik. Sebagai contoh Othman dilibatkan dalam penilaian manuskrip DBP sejak tahun 1985 lagi. Selain itu, Othman terlibat menjadi:

## Keahlian dalam Jawatankuasa Universiti

1. Jawatankuasa: Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisional anjuran Jabatan Persuratan Melayu, 1982.
2. Setiausaha: Seminar Kritikan Sastera anjuran Jabatan Persuratan Melayu, 1983.
3. Jawatankuasa: Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu II, anjuran Jabatan Persuratan Melayu, 1991.
4. Setiausaha: Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III, anjuran Jabatan Persuratan Melayu, 1993.
5. Ketua: Jurusan Sastera Baru, Jabatan Persuratan Melayu sejak 1990-1993.
6. Penyelaras: Seminar Jabatan Persuratan Melayu, mulai Oktober 1993.
7. Setiausaha: Kolokium Pengajaran Sastera anjuran Jabatan Persuratan Melayu, UKM, 30 Oktober – 4 November 1994.
8. Pemeriksa/Pengesahan Luar Kertas Sastera

Kursus Diploma Pendidikan Khas BPG, Kementerian Pendidikan 1996.
9. Pengesahan Luar Kertas Sastera Kursus Diploma Pendidikan Khas, BPG, Kementerian Pendidikan 1997.

## Ahli Jawatankuasa Profesional/ Akademik

1. Penilai/Pembaca Luar Manuskrip DBP sejak1978.
2. Penilai/Pembaca Luar Manuskrip Penerbit Fajar Bakti sejak 1985.
3. Panel Penggubalan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan dalam Pendidikan Bahasa Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989.
4. Jawatankuasa Tetap Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan IV dan V KBSM, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989.
5. Panel Penilai Bidang Sastera Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
6. Ketua Penyelidik: Penerbit Buku Kreatif Remaja, Bahagian Penerbitan Am, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
7. Panel Penggubal Sukatan Pelajaran Kursus Diploma Pengurusan Khas Institut Bahasa, Bidang Kesusasteraan Melayu dalam Pendidikan Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992.
8. Jawatankuasa Gerakan Peneliti Sastera Malaysia (PENELITI), 1992.
9. Jawatankuasa Induk Biografi Sasterawan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
10. Timbalan Ketua Pemeriksa: Kesusasteraan Melayu (922/5) STPM, Majlis Peperiksaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992.

11. Pakar Rujuk/Penyelidik: Muzium Sastera Melaka, Bidang Novel dan Cerpen Melayu, 1992.
12. Penasihat/Pakar Runding: Projek Penulisan Wajah II Biografi Penulis, DBP, 1992.
13. Panel Pemilihan Buku Teks Komponen Sastera dan Sastera Elektif Tingkatan 1-5, 1998-99.

## Pemeriksa Luar

1990 Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Calon Ijazah Sarjana Sastera, Haji Hussain bin Hj. Baharuddin. Tesis bertajuk, "Cerpen-cerpen Sayembara ESSO-GAPENA: Dilihat dari Sudut Sosial".

1992 Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Calon Ijazah Sarjana Sastera, Haji Morsidi bin Hj. Muhamad. Tesis bertajuk, "Karya Prosa Muslim Burmat: Satu Analisis Stilistik".

1992 Tesis Sarjana Sastera bertajuk, "Biografi Sastera Melayu: Satu Kajian Masalah Penulisan", Wan Yit Fong, Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

1993 Tesis Sarjana Sastera bertajuk, "Pencerekaan Sejarah: Kajian Terhadap Empat Buah Novel Sejarah", Mohamad Saleeh bin Rahamad @ Ahmad. Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

1993 Tesis Sarjana Pendidikan bertajuk, "Preferen Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Bahan Kesusasteraan dan Hubungannya dengan Tahap Pemahaman Bacaan", Mahzan bin Arshad, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

1995 Tesis Sarjana Sastera bertajuk, "Perlakuan

Lelaki dalam Fiksyen Khadijah Hashim", Membunga @ Siti Meriam Yaacob, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

1997 Tesis Sarjana Sastera, bertajuk, "Protes Sosial dalam Novel Indonesia", Mohamed Ramli Sosman, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

1997 Tesis Sarjana Pendidikan bertajuk, "Analisis Kesilapan Tatabahasa Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu Thanawi Lima, Sekolah Menengah Agama (Arab) di Negeri Brunei Darussalam", Haji Arpan Shahbudin Haji Latip, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1997 Tesis Sarjana Sastera bertajuk, "Diri: Satu Analisis Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu Terpilih", Norrodzoh Haji Siren, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

1998 Tesis Sarjana Pendidikan bertajuk, "Perbandingan Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Kesusasteraan Melayu," Normah Mat Daud, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1999 Tesis Sarjana Pendidikan bertajuk, "Penggunaan Cerpen dalam Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan 2 di Dua Buah Sekolah", Mohamed Kassim Abdul Latiff, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

1999 Tesis Sarjana Sastera bertajuk, "Karya Kreatif: Kajian Terhadap Sensitiviti dan Kreativiti Pengarang dalam Proses Penciptaan", Rahimah A. Hamid, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

## Panel Hadiah Sastera

Othman Puteh dilantik oleh pihak berwibawa menjadi ketua panel atau ahli panel penilai dalam pelbagai peraduan yang bercorak sastera. Sesungguhnya kepakarannya dalam bidang sastera sangat diperlukan dalam bidang ini. Antara lain, Othman menjadi panel atau ketua panel penilai dalam peraduan yang berikut:

### 1. Peraduan menulis novel

| Bil | Tahun | Anjuran | Jenis |
|---|---|---|---|
| 1. | 1979 | Dewan Bahasa dan Pustaka | Novel kanak-kanak |
| 2. | 1980 | Dewan Bahasa dan Pustaka | Fiksyen kanak-kanak |
| 3. | 1981 | Dewan Bahasa dan Pustaka | Novel sejarah |
| 4. | 1983 | ESSO-GAPENA | Novel remaja |
| 5. | 1984 | ESSO-GAPENA | Novel remaja kisah pengembaraan |
| 6. | 1983 | DBP, Cawangan Sabah | Novel kanak-kanak |
| 7. | 1984 | DBP, Cawangan Sabah | Novel remaja |
| 8. | 1986 | DBP, Cawangan Sarawak | Novel remaja |
| 9. | 1987 | Dewan Persuratan Melayu Pahang | Novel remaja |
| 10. | 1988 | DBP Cawangan Sarawak | Fiksyen sains |
| 11. | 1988 | Jabatan Pendidikan Terengganu | Novel remaja |
| 12. | 1988 | Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan | Novel sejarah |
| 13. | 1990 | Dewan Bahasa dan Pustaka | Novel remaja |
| 14. | 1990 | Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Wilayah Perseketuan | Cereka sejarah |
| 15. | 1992 | ASASI, Kedah | Novel remaja |
| 16. | 1992 | Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri | Novel remaja berunsur Islam |
| 17. | 1993 | ESSO-GAPENA | Novel umum |
| 18. | 1997 | DBP, Cawangan Sabah | Novel remaja |
| 19. | 1998-99 | Utusan Melayu (Hadiah SAKO II) | Novel umum |
| 20. | 1998 | DBP, Cawangan Sabah | Novel kanak-kanak |
| 21. | 1999 | DBP, Cawangan Sarawak | Novel umum |

## 2. Peraduan menulis cerpen

| Bil. | Tahun | Anjuran | Jenis |
|---|---|---|---|
| 1. | 1983 | Dewan Bahasa dan Pustaka | Cerita lucu |
| 2. | 1982 | ESSO-GAPENA | Cerpen remaja |
| 3. | 1983 | DBP, Cawangan Sarawak | Cerpen kanak-kanak |
| 4. | 1984 | DBP, Cawangan Sarawak | Cerpen umum |
| 5. | 1985 | Pergerakan Wanita UMNO, Malaysia | Cerpen kanak-kanak |
| 6. | 1987 | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan | Cerpen remaja |
| 7. | 1990 | DBKL - DBP | Cerpen umum |
| 8. | 1990-1991 | ESSO-GAPENA | Cerpen umum |
| 9. | 1991 | DBP-MAYBANK | Cerpen umum |
| 10. | 1992 | LPPKN | Cerpen umum |
| 11. | 1991 | MAYBANK-DBP | Cerpen umum |
| 12. | 1993 | MAYBANK-DBP | Cerpen umum |
| 13. | 1994 | MAYBANK-DBP | Cerpen umum |
| 14. | 1993-1999 | Dewan Siswa-Bank Rakyat | Cerpen remaja |
| 15. | 1994 | Bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri | Cerpen berunsur Islam |
| 16. | 1994-2000 | Jabatan Perpaduan Negara | Cerpen remaja |
| 17. | 1996, 99 | Kerajaan Johor | Cerpen umum |
| 18. | 1996 | ASASI, Kedah | Cerpen UMNO 50 tahun |
| 19. | 1996-1998 | Kerajaan Negeri Pulau Pinang-YTL | Cerpen umum |

## 3. Panel penilai yang lain

1. Hadiah Utusan Malaysia, 1992.
2. Hadiah Sastera Malaysia, sejak 1983/84–1994/95.
3. Peraduan Menulis Biografi Kanak-kanak 1994.
4. Penulisan Biografi ESSO-GAPENA, 1996 dan 1998.
5. Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/97, 1998/99 dan 2000/01.
6. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Publick Bank sejak 1995 hingga kini.
7. Anugerah Persuratan Singapura 1995-1996, 1997-1998.
8. Hadiah Bestari Karya, 1998.
9. Wakil GAPENA dalam Pemilihan Calon SEA-Write Award, 1994.

## Bengkel penulisan

Salah satu kegiatan yang paling rancak dalam dunia sastera ialah bengkel penulisan. Bengkel penulisan ini terbahagi kepada empat:

1. Penulisan karya kreatif seperti novel, cerpen dan puisi,
2. Penulisan drama pentas dan drama tv,
3. Penulisan kritikan dan rencana,
4. Penulisan biografi.




Othman Puteh (tanda x) bersama-sama penceramah dan peserta Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Selatan, di Kompleks Muara Sungai Duyung, Melaka.

Pembimbing bengkel penulisan ini biasanya terdiri daripada sarjana, para penulis yang berpengalaman dan pengkritik. Seperti yang anda tahu Othman Puteh merupakan seorang sarjana dan sekali gus penulis, maka Othman kerap diundang memimpin bengkel penulisan kreatif dan biografi.




Semua negeri di Malaysia mempunyai persatuan penulis. Persatuan penulis inilah yang menjalankan kegiatan ini. Othman sudah menjelajah setiap negeri di Malaysia dalam kegiatan memimpin bengkel ini. Bukan itu sahaja, Othman sampai ke Singapura, Indonesia dan Brunei, menyumbang tenaga dalam mem-bimbing para penulis.

Lazimnya peserta bengkel terdiri daripada penulis muda, pelajar sekolah dan peminat sastera. Bengkel untuk penulis yang berpengalaman selalunya lebih tinggi subjek yang dibincangkan serta lebih mendalam.

Antara bengkel penulisan yang penting yang dibimbing oleh Othman, ialah:

1. Bengkel Minggu Penulis Remaja, DBP sejak tahun 1986 hingga 1999.
2. Bengkel Minggu Penulis Remaja DBP Cawangan Sabah 1997-2000.
3. Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Utara 1991-1992.

4. Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Selatan 1991-1992.
5. Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Timur 1993.
6. Perkampungan Penulis GAPENA I, Zon Malaysia dan Nusantara 1994-95.
7. Perkampungan Penulis GAPENA II Nusantara 1997-98.
8. Bengkel Penulis Muda DBP Cawangan Sarawak, 1998.
9. Bengkel Penulisan Novel Remaja anjuran DBP. Bengkel ini berlangsung di Terengganu, Sabah, Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Perlis dan Pahang berlangsung pada tahun 1991 dan 1992.




Othman Puteh sedang membicarakan antologi cerpen *Di Luar Dugaan* karya Masuri SN. di Singapura.






Dapat dikatakan bahawa anak murid Othman berada di seluruh Malaysia ini. Barangkali dialah sarjana yang mempunyai anak murid di segenap cerok rantau Malaysia. Othman kaya dengan anak murid.

Kesimpulannya, jelas di sini bahawa Othman memberikan sumbangan yang besar dalam bidang kesusasteraan Melayu. Othman menjadi pakar bidang dalam kesarjanaannya, pakar rujuk, aktivis sastera dan sekali gus penulis kreatif yang mapan. Pendek kata Othman dapat dikatakan seorang tokoh dalam sastera Melayu tanah air.

## Di Iowa

Pada musim luruh, bulan Ogos hingga November 1996, Othman Puteh terpilih untuk mengikuti Program Penulisan Antarabangsa, di Universiti Iowa, Amerika Syarikat. Program ini menghimpunkan para penulis seluruh dunia yang terpilih mewakili negara masing-masing.

Program ini bertujuan agar setiap peserta dapat bertukar-tukar pendapat, pengalaman dan ilmu dalam penulisan. Kegiatannya meliputi ceramah, diskusi dan deklamasi sajak. Othman berpeluang berkenalan dan bertukar-tukar fikiran dengan penulis dari negara-negara lain di dunia.

Di Iowa jugalah Othman berkesempatan menyiapkan penulisan novel *Kalut*. Novel ini, sebelum itu, telah diulis sebanyak tiga bab semasa masih berada di tanah air sebelum berangkat ke Universiti Iowa, Amerika Syarikat.



Othman Puteh bersama Dr. Tin Maung Then dari Myanmar bergambar di hadapan penginapan Mayflower sewaktu mengikuti International Writing Prgram di Universiti Iowa, Amerika Syarikat, Ogos – November 1996.

BAB
9

# Di Tengah Keluarga

## Rumahtangga yang bahagia

Rumahtangga Othman Puteh direstui Allah dengan kehidupan aman damai, harmoni dan bahagia. Dalam perkongsian hidup dengan isterinya Timah Baba, mereka dikurniakan lima orang anak, tiga lelaki dan dua perempuan. Anak-anak mereka ialah Hizairi, Haizulsyam, Muhammad Hafiz, Fadhila dan Marini.



Kediaman Othman Puteh sekeluarga, di Bandar Baru Bangi.



Othman Puteh dan Timah Baba bersama-sama lima orang anak mereka.

Alhamdulillah, semua anak pasangan ini berjaya dalam pelajaran dan kerjaya masing-masing. Menurut Othman, dia tidak membentuk jalur anak-anak. Dia memberikan kebebasan kepada anak-anaknya memilih hala tuju masing-masing. Maka itu, empat daripada anak pasangan ini memilih bidang sains dan teknologi. Cuma Hizairi yang mengikut jejak langkah Othman dan Timah bergiat dalam lapangan sastera dan penulisan.



Othman Puteh bersama keluarga di pekarangan rumah mereka.

## Isteri tersayang

Othman Puteh bertuah memiliki Timah Baba yang benar-benar memahami tugas dan wawasannya. Mereka merupakan pasangan istimewa kerana mempunyai minat dan bakat yang sama, iaitu bidang penulisan. Timah memilih bersara awal daripada jawatannya sebagai guru pada tahun 1993.

Sebagai seorang isteri Timah mengatakan bahawa dia bersyukur kepada Allah kerana menemukannya dengan seorang suami yang sedia menerima apa-apa kekurangan dan memaafkan kesilapan dirinya. Dalam masa yang sama Othman boleh menerima apa-apa pandangan atau buah fikiran yang Timah utarakan.



Wajah tenang seorang isteri yang sentiasa memberikan dorongan kepada suami.

***"Kesibukan Othman itu, barangkali itulah yang terbaik baginya selagi dia diperlukan. Tidakkah dengan situasi begitu merupakan riadah bagi Othman berbanding berehat sahaja di rumah?"***

Timah baba




Antologi tiga beranak.

Waktu ditanyakan kepada Timah adakah musim berkarya rumahnya akan menjadi sunyi sepi kerana ketiga-tiga iaitu Othman, Timah dan Hizairi sibuk menulis? Timah mengatakan bahawa keadaan itu andaian sahaja. Sebenarnya, cara mereka bertiga berkarya berbeza dan mengambil waktu yang berbeza pula. Mungkin Timah memerlukan masa yang tenang tetapi bagi Hizairi dia menulis diiringi alunan muzik.

Selanjutnya Timah memandang kesibukan Othman saban hari sebagai satu cabaran. Pada usia awal perkahwinan mereka, sedikit sebanyak kesibukan Othman ini menjadi isu juga. Akan tetapi kini perkara itu tidak lagi menjadi buah fikiran Timah kerana dia sendiri sibuk dengan aktiviti atau agenda tersendiri saban hari.



Timah Baba melayan karenah suami di meja makan.



Sebagai isteri yang memahami tugas dan minat suami, Timah Baba sentiasa berusaha mewujudkan situasi yang tenang buat suami.

## Menjadi pendorong

Menurut kata bijak pandai: Di sebalik kejayaan seorang lelaki itu ada isteri di belakangnya. Waktu diajukan kenyataan ini kepada Timah, dia menyatakan: Dalam hal ini sebenarnya kejayaan seseorang itu banyak bergantung pada sikap dan komitmen individu itu sendiri. Namun, sebagai seorang isteri saya faham betapa besarnya erti ketenangan bagi seorang penulis dan sedaya-upaya situasi itulah yang cuba saya wujudkan.

Selepas bersara Othman semakin sibuk dengan bengkel, seminar dan mesyuarat di sana sini termasuk PIBG, Persatuan Murid Tua, AJK masjid di kampungnya di Melaka, dan AJK GAPENA; di samping tugasnya di Akademi Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur. Bagi Timah itulah yang terbaik baginya selagi dia diperlukan. Tidakkah dengan situasi begitu merupakan riadah bagi Othman berbanding berehat sahaja di rumah?

Sebagai suami isteri, Othman juga memberikan galakan kepada Timah untuk berkarya, di samping membantu mana-mana yang perlu dalam penulisan dan penerbitan. Namun begitu, Timah lebih mengutamakan tugas-tugas wajibnya sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga. Tugas menulis dilakukan pada masa-masa yang sesuai dan terluang sahaja.

Buat masa ini ketiga-tiga anak-beranak ini pernah menerbitkan karya bersama iaitu antologi cerpen berjudul *Sejalur Cahaya,* diterbitkan pada tahun 1987.

## Karya Timah Baba

| Bil. | Judul Buku | Genre | Tahun Terbit |
|---|---|---|---|
| 1. | *Matanya Masih di Pintu* | Kumpulan cerpen | 1981 |
| 2. | *Senyumanmu Kubawa Pulang* | Kumpulan cerpen remaja | 1992 |
| 3. | *Pemburu* | Kumpulan cerpen | 1997 |
| 4. | *Batu Belah Batu Bertangkup* | Cerita kanak-kanak | 1997 |
| 5. | *Si Tenggang* | Cerita kanak-kanak | 1997 |



## Kasih sayang

Menurut Othman, dia sebenarnya tidak sekerap isterinya berkomunikasi dengan anak-anak. Ini berkaitan dengan tugas rasminya dan aktiviti luaran yang sentiasa menuntut tanggungjawab.

Namun begitu, dia yakin tanpa luahan kata-kata kasih sayang atau sentuhan fizikal yang menggambarkan kemesraan seorang ayah, anak-anaknya dapat merasakan kehadiran kasih sayangnya itu.

Othman, sebagai ayah mengamalkan sikap terbuka. Dia sedia mendengar segala masalah anak-anak termasuk masalah peribadi. Kata Othman, "Nampaknya, anak-anak lebih gemar berkongsi rasa dengan ibu."

Kini, anak-anak Othman sudah besar dan memiliki kehidupan sendiri. Untuk merapatkan hubungan mereka sekeluarga, mereka saling berkumpul mengingati ulang tahun masing-masing. Kata Othman, "Bulan Ogos adalah bulan paling meriah. Tiga ahli keluarga menyambut ulang tahun. Biasanya, selepas acara makan ada sedikit cenderahati dan kad untuk mereka yang berulang tahun. Pada kad ini saya atau ibu mereka mencoretkan secebis nasihat."

Pada ulang tahun Othman ke-55 , dia terkejut menerima hadiah yang cukup istimewa daripada isteri dan anak-anak. Hadiah istimewa itu ialah sebuah tangga.

Pada mulanya hadiah ini menjadi semacam bahan ketawa. Akan tetapi sebenarnya tangga ini mempunyai latar yang tersendiri dan signifikan dalam kehidupan Othman.

Seperti yang diketahui, Othman mempunyai perpustakaan peribadi yang koleksi bukunya sangat banyak. Buku-buku ini tersusun di rak-rak yang mencapai siling tingginya. Untuk menyusun atau mengambil buku di rak yang




Si Tommy (tanda x) dan Temuk yang manja sering mencuri peluang mendampingi Othman duduk menulis ketika bersendirian

***"Memang saya tidak pernah melahirkan kata-kata sayang pada anak-anak tetapi saya yakin perhatian yang saya berikan dapat menyimpul makna tersebut. Selain memenuhi tanggungjawab sebagai ayah yang antara lain menyediakan segala kemudahan asas kepada anak, peluang pendidikan, sikap mengambil berat saya dapat menyatakan kasih sayang saya kepada mereka."***

Othman Puteh

tinggi, Othman menggunakan kerusi. Akhirnya, kerusi itu rosak kerana terlalu kerap dipijak. Apabila kerusi itu dibaiki, kemudian rosak lagi.

Melihat situasi inilah keluarga Othman membelikannya sebuah tangga. Sekarang, Othman tidak lagi memijak kerusi tetapi sebaliknya memijak tangga. Dia boleh pula duduk-duduk sambil membelek-belek buku di tangga itu. Bertepatan dengan tarikh persaraan Othman, tangga ini sebagai suatu simbol untuk terus mencapai kejayaan di puncak nak tinggi. Othman menegaskan bahawa dia tidak akan menendang tangga yang dipijaknya setelah berada di puncak. Othman amat menghargai tanda ingatan keluarganya ini.



'Tangga' hadiah hari jadi daripada keluarga yang amat bermakna bagi Othman.

## Anak ayah

Dalam bab yang lalu, dikatakan satu hipotesis jika seorang penulis bertemu jodoh dengan seorang penulis, akan melahirkan seorang penulis juga. Dalam keluarga Othman, hipotesis ini benar-benar berlaku. Anaknya Hizairi mewarisi bakat ayah dan ibu dalam bidang penulisan. Bak kata orang tua-tua, "Kuah tumpah ke nasi".

Bakat Hizairi dikesan seawal dalam darjah enam di sekolah rendah lagi. Pada tahun 1987, hasil saranan Othman, Hizairi mengikuti program Minggu Remaja anjuran DBP. Semasa ini Hizairi dalam tingkatan lima. Inilah landas penting yang membawa Hizairi kian berminat menjadi penulis. Kebetulan, pembimbing bengkel penulisan cerpen dalam aktiviti ini Othman sendiri.

***"Ketika dalam darjah enam saya memasuki pertandingan menulis cerpen kecil-kecilan anjuran sekolah. Tanpa disangka saya menang. Hadiahnya bukan buku tetapi satu set kelengkapan melukis."***
Hizairi Othman



Hizairi semasa berusia 4 tahun.



Hizairi lebih gemar menulis diiringi muzik.



Hizairi di Jabal Nur, Mekah. Disember 2000.

Semenjak itu Hizairi ketagih menulis. Kata Hizairi, "Ayah lazimnya menjadi pembaca pertama dan editor pertama saya. Terutama ketika tempoh 1985-1989. Karya saya jarang "bersih" apabila sampai ke tangannya. Selain kaedah membina karya, saya turut diajar teknik penyuntingan."

Begitulah Othman mendidik anaknya sehingga menjadi seorang penulis yang berjaya. Kata Hizairi lagi, "Bermula dari tahun 1990, ayah "melepaskan" saya, maksudnya tidak lagi menjadi pembaca pertama saya. Barangkali dia sudah meyakini kemampuan saya."



Hizairi sering mendapat liputan akhbar dan majalah. Hizairi dan Othman Puteh sedang ditemu ramah oleh wartawan majalah tempatan.

Alhamdulillah, sejak menulis secara serius pada tahun 1986, Hizairi telah memenangi 16 anugerah (14 sastera, 2 filem). Sekarang Hizairi menjadi pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Pencapaian Hizari yang terkini dalam bidang penulisan kreatif, adalah apabila dia memenangi Hadiah Utama Cerpen Formula Malaysia, 1999, sejumlah RM 50 000.00 dengan cerpennya berjudul, "Bulan di Puncak Nortre-Dame".




"Di mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi." Demikian , Hizairi mewarisi bakat kepangarangan ayahnya Othman. Hizairi dan Othman Puteh "membaca teks cerpen" dalam majlis Malam Puisi 2000 anjuran Utusan Melayu.

## Karya Hizairi Othman

| Bil. | Judul Buku | Genre | Tahun Terbit |
|---|---|---|---|
| 1. | *Puncak Salai* | Novel (remaja) | 1989 |
| 2. | *Manisnya Ulang Tahun* | Novel (remaja) | 1990 |
| 3. | *Hikayat Anggun Cik Tunggal* | Novel (adaptasi) | 1990 |
| 4. | *Puteri Gul Bakawali* | Novel (adaptasi) | 1991 |
| 5. | *Syonagar* | Novel (fantasi) | 1992 |
| 6. | *Dylela* | Novel (remaja) | 1992 |
| 7. | *Hati Milik Kesuma* | Kumpulan cerpen | 1992 |
| 8. | *Kai di Lembah Urda* | Novel fantasi (kanak-kanak) | 1993 |
| 9. | *Spesimen Beta* | Kumpulan cerpen sains fiksyen | 1995 |
| 10. | *Jukstaposisi* | Novel (umum) | 1996 |
| 11. | *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera* | Kajian sastera | 1996,2000 |
| 12. | *Suami, Lelaki & ...* | Kumpulan cerpen | 1997 |



Karya-karya Hizairi Othman.

## Konsep hijrah

Pernah dikatakan dalam bab terdahulu, bahawa Othman Puteh melakukan hijrah kecil dari kampung ke bandar Melaka. Hijrah bukan sahaja berpindah tempat secara fizikal bahkan juga mengembangkan minda dan menambah pengalaman.

Dari masa ke masa Othman berhijrah. Pada tahun 1963 ke Tanjung Malim, pada tahun 1973 ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Pantai Baru, Kuala Lumpur dan pada tahun 1978 menetap di Bandar Baru Bangi.

Kata Othman, "Hijrah penting bagi manusia untuk memperlihatkan tahap-tahap perkembangan diri, sementelah pula bagi seorang penulis. Namun begitu konsep hijrah yang sebenarnya ialah perubahan dalaman diri seseorang dari yang sedia ada kepada yang lebih baik."

Dalam pertemuannya dengan penulis-penulis muda, Othman sering menekankan konsep ini. Selalunya dalam bengkel-bengkel penulisan, konsep ini disentuh oleh Othman dengan contoh-contoh yang relevan seperti yang dilakukan oleh A. Samad Said dan Arena Wati, Abdullah Hussain, Shahnon Ahmad dan lain-lain.

Selain berhijrah di tanah air sendiri, Othman pernah berhijrah ke luar negara. Pada Ogos – November 1996 Othman ke Universiti Iowa, Amerika Syarikat kerana menghadiri Program Penulisan Antarabangsa. Pada tahun 1976 dan 1986 ke Indonesia, tahun 1999 ke Taiwan, dan pada tahun 1997 ke Singapura kerana menghadiri Writers' Week. Tahun 1998 untuk kedua kalinya Othman menunaikan fardu haji ke Makkah bersama-sama isteri, dan telah beberapa kali pula mengerjakan umrah.

## Anugerah



Sepanjang empat dekad penglibatan Othman dalam bidang sastera dan penulisan, dia telah dianugerahkan beberapa penghargaan. Antaranya ialah:

1. 1967 Hadiah Ketiga dan Penghargaan Peraduan Menulis Cerita Advencer Cerpen Kanak-kanak anjuran DBP.
2. 1974 Hadiah Karya Sastera, cerpennya, "Pahlawan Tua".
3. 1975 Hadiah pertama dan ketiga, Peraduan Mengarang Cerita Advencer Cerpen Kanak-kanak anjuran Ikatan Persuratan Melaka.
4. 1988 Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank. Hadiah utama dengan cerpennya berjudul "Datuk Pom".
5. 1990 Hadiah Kedua dalam Peraduan Menulis Novel Remaja anjuran Penerbitan Marwilis – Generasi dengan novelnya berjudul, *Mercup di Wajahnya.*
6. 1990 Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank. Hadiah penghargaan dengan cerpennya berjudul, "Guruh".
7. 1998 Anugerah Hadiah Bahasa, anjuran Persatuan Linguistik Malaysia – Public Bank dengan bukunya *Landas Kreativiti: Penulisan Cerpen* (DBP, 1998).
8. 1998 SEA Write Award anjuran kerajaan Thailand.







Dengan ini terbukti bahawa Othman bukan sahaja diiktiraf di peringkat negara, bahkan di peringkat antarabangsa.

## Kepada yang Berjasa

Dalam tahap awal kehidupan Othman, iaitu zaman kanak-kanak dan remajanya, disebutkan beberapa orang yang berjasa kepadanya. Mereka ialah:

1. Dara Jidin (ibu)
2. Minah (kakak)
3. Maimunah (kakak)
4. Mohammad Ali (abang)
5. Abu Bakar (abang)
6. Yang Chik (abang ipar)

Kesemua mereka ini telah meninggal dunia. Semasa hayat mereka Othman sering berulang-alik ke kampung menziarahi mereka menurut sepatutnya dan membantu mereka mana yang perlu. Itulah caranya Othman mengenang dan membalas jasa mereka selama ini. Sebenarnya, jasa mereka tidak mungkin dapat dibalas. Baru-baru ini awal tahun 2000, Maimunah telah mengerjakan fardu haji dan Othman membantunya dengan sewajarnya.

BAB 10

# Apa Kata Orang Lain

Banyak kritikan, ulasan atau sorotan orang lain terhadap Othman Puteh. Sorotan tersebut meliputi karya Othman ataupun dirinya sebagai sarjana atau aktivitis sastera. Kritikan, ulasan atau sorotan ini penting untuk melihat sejauh mana kedudukan Othman dalam jagat sastera tanah air.




## Kritikan terhadap kumpulan cerpen *Jerung Darat dan Cerpen-cerpen Lain*

Zakaria Ali, seorang pensyarah di USM, membuat ulasan tentang kumpulan cerpen Othman ini. Zakaria menulis dalam *The New Straits Times*, 7 Oktober 1998. Antara lain Zakaria menulis:

> "A teacher by training, Othman focuses on teachers, the communities in which they work, farmers, fishermen, government employees, love, marriage, birth, poverty, ignorance. He also deals with infidelity, the problems of being honest and family feuds over *pusaka* land. His shortest piece is about the dilemma of an unqualified teacher who elopes with a girl, a common there in the 1960, steeped as writers were them in the sosial concern of ASAS 50.

